Majlis Perbandaran Selayang

# 2019

# LAPORAN TAHUNAN

NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL

# 2019 LAPORAN TAHUNAN

NASKAH DIGITAL

Majlis Perbandaran Selayang © 2020

**DITERBITKAN OLEH**
**JABATAN KORPORAT**
Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS,Persiaran 3,Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

MPS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya,bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

**JABATAN KORPORAT**
Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

Tel:  +603-6126 5800
Fax:+603-6138 8933
Bebas Tol: 1800-222-677
www.mps.gov.my

NASKAH DIGITAL

# ISI KANDUNGAN

**01 PENGENALAN**

06 Susur Masa
09 Selayang Pandang
11 Perutusan Yang Dipertua
12 Objektif MPS & Piagam Pelanggan
13 Visi, Misi MPS
14 Rasional Logo MPS
15 Lagu & Bunga Rasmi MPS
16 Kawasan Pentadbiran MPS
18 Demografi Penduduk
20 Barisan Pengurusan MPS
22 Ahli Majlis MPS
24 Sijil Ketua Audit Negara
28 Penyata Kedudukan Kewangan 2019
29 Penyata Prestasi Kewangan 2019

**02 LAPORAN JABATAN**

31 Jabatan Perbendaharaan
35 Jabatan Korporat
43 Jabatan Khidmat Pengurusan
49 Jabatan Perundangan
53 Jabatan Bangunan
59 Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan
65 Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan
69 Jabatan Landskap
75 Jabatan Pelesenan
79 Jabatan Perancang Bandar
89 Jabatan Kejuruteraan
95 Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
99 Jabatan Pembangunan Masyarakat
107 Jabatan Audit Dalam
111 Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
113 Jabatan Teknologi Maklumat
117 Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)
121 Jabatan Pusat Setempat (OSC)
133 Unit Integriti
137 Bahagian Urus Setia

**03 PELANCONGAN** 139 Kawasan Pelancongan MPS
**04 AKTIVITI** 145 Galeri
**05 MEDIA** 160 Keratan Akbar

NASKAH DIGITAL

# SUSUR MASA

## 1964

### KAWASAN PERINDUSTRIAN BATU CAVES

Kawasan perindustrian di Batu Caves semakin giat apabila persekitaran semakin berubah daripada kawasan kampung ke kawasan industri.



## 1970

### KAWASAN PKNS TAMAN KERAMAT

**KAWASAN PKNS TAMAN KERAMAT**

PKNS ditubuhkan sebagai badan berkanun dan agensi pembangunan peringkat negeri menerusi pengagihan dan penggalakan pertumbuhan sosio-ekonomi ke seluruh Negeri Selangor berpandukan dasar-dasar kerajaan dalam mewujudkan kestabilan, keharmonian dan keadilan sosial bagi mencapai wawasan negara.

**LEMBANGAN BANDARAN KUALA AMPANG**

**LEMBANGAN BANDARAN GOMBAK**

## 1974

### PENGWUJUDAN DAERAH GOMBAK

Daerah Gombak ditubuhkan pada 1 Februari 1974, iaitu hari yang sama Kuala Lumpur diistiharkan sebagai sebagai Wilayah Persekutuan dan pusat pentadbiran kerajaan ketika itu.

Daerah ini dibahagikan kepada 4 mukim iaitu Batu, Rawang, Setapak dan Ulu Klang

## 1977

### MAJLIS DAERAH GOMBAK

Majlis Daerah Gombak (MDG) mula beroperasi pada 1 Januari 1977 dan kawasan pentadbirannya adalah meliputi Mukim Rawang, Mukim Batu, Mukim Setapak dan sebahagian Mukim Ulu Klang

NASKAH DIGITAL

# 2019
## *Terus Cemerlang*

**1997**

### PENUBUHAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Majlis Perbandaran Selayang telah ditubuhkan oada 1hb Januari 1997 meliputi Mukim Rawang, Mukim Batu dan sebahagian Mukim Setapak

**2001**
Majlis Pecah Tanah dan Pembinaan Menara MPS

**2004**

Menara MPS yang memulakan pembinaan pada 1 Jun 2002 dan siap sepenuhnya pada 2 September 2004. Projek pembinaan Menara MPS setinggi 10 tingkat ini menelan belanja sebanyak RM21 Juta.

Majlis Perasmian Menara MPS telah disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir Bin Toyo, Dato Menteri Besar Selangor pada 31 Mei 2005

### PERASMIAN MENARA MPS

**2016**

### MENJELANG SAMBUTAN KE 20 TAHUN

Menjelang sambutan yang ke-20 tahun pentadbirannya, MPS terus mengorak langkah sebagai PBT terunggul dengan memastikan Perbandaran Selayang sentiasa Mampan, Progresif dan Sejahtera.

**2018**

### PENGIKTIRAFAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

MPS terus melangkah ke arah kecemerlangan dengan memperoleh dua pengiktirafan iaitu Anugerah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2018 dan Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) 2018.

***"Menjelang tahun 2020, MPS akan terus memberikan perkhidmatan terbaik untuk ke arah menjadi perbandaran terbaik untuk kesejahteraan penduduk di perbandaran Selayang."***

NASKAH DIGITAL



# SELAYANG PANDANG...

Majlis Perbandaran Selayang terletak di daerah Gombak yang merupakan pintu masuk ke Negeri Selangor di sebelah timur laut. Ia terletak bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) di sebelah barat, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) di sebelah utara dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sebelah barat daya.

Keseluruhan kawasan pentadbiran MPS ialah 545.6 kilometer persegi yang meliputi tiga mukim iaitu Mukim Rawang (263 kilometer persegi), Mukim Batu (154 kilometer persegi) dan Mukim Setapak (128 kilometer persegi).

Penduduk Perbandaran Selayang berjumlah 770,630 orang dengan Mukim Batu mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 60.9 % (385,288 orang), Mukim Rawang 29.5 % (299,095 orang), dan sebahagian Mukim Setapak sebanyak 9.6 % (86,247 orang). Aktiviti ekonomi di kawasan MPS adalah sektor perindustrian, perusahaan dan pertanian.

Sebanyak 33 % kawasan MPS merupakan kawasan hutan simpan dan rekreasi dan di sini terletaknya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Empangan Batu dan taman-taman rekreasi rimba, kawasan tadahan hujan dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Kawasan pentadbiran MPS mempunyai tarikan yang tersendiri dengan adanya destinasi pelancongan alam semula jadi yang menarik seperti Gua Batu Caves, Kolam Air Panas Selayang, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel, Hutan Lipur Ulu Yam, Tasik Biru Kundang dan Taman Rimba Bukit Lagong.

Terdapat 9 buah bandar utama dalam pentadbiran MPS iaitu Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Rawang, Batu Arang, Taman Seri Gombak, Bandar Tasik Puteri, Bandar Baru Kundang, Batu Caves dan Bandar Country Homes. Pertumbuhan bandar-bandar baru ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kepada MPS. Usaha pembangunan akan terus dilaksanakan oleh MPS dengan mengambil kira kualiti alam sekitar.

NASKAH DIGITAL



# PERUTUSAN YANG DIPERTUA MPS

**Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpahan rahmatNya, laporan Tahunan Majlis Perbandaran Selayang 2019 dapat diterbitkan.

Saya ingin menzahirkan rasa gembira dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan wahana yang dijadikan wadah penyampaian maklumat ini dapat dihasilkan dan didokumentasikan dengan baik.

Pada tahun 2019 ini, MPS lebih giat dalam usaha memberikan perkhidmatan dan pembangunan yang terbaik kepada pembayar cukai di samping menjana pembangunan ekonomi, meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan serta menyediakan prasarana kemudahan awam untuk orang ramai. Untuk makluman, sehingga 31 Disember 2019, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2019 sebanyak RM 108.55 juta (105.39%) daripada RM 103 juta. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula,sebanyak RM 6.01 juta (85.80%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 7 juta. Melalui kutipan ini ianya dikembalikan kepada penduduk melalui perkhidmatan terbaik dan berterusan.

MPS juga memberi perhatian kepada aspek integriti yang menjadi tunjang dalam setiap tindakan serta bertindak pantas dalam menterjemahkan setiap kehendak pelanggan. Fokus kepada pemikiran kreatif dan inovatif di samping penerapan nilai-nilai bersama iaitu setia, amanah, proaktif, integriti dan semangat berpasukan adalah digalakkan dalam usaha memupuk budaya kerja berprestasi tinggi dan cemerlang.

Akhir sekali, saya berharap bagi tahun 2020, warga kerja MPS serta Ahli-Ahli Majlis akan melipat gandakan usaha bagi meningkatkan integriti masing-masing seiring dengan wawasan negeri Selangor. Saya juga mengharapkan agar semua warga MPS dapat memperlihatkan satu usaha dan daya saing yang tinggi serta dapat memberikan komitmen yang berterusan demi menggalas tanggungjawab yang diamanahkan.

Sekian, Assalamualaikum dan terima kasih.

**HAJI SHAMSUL SHAHRIL BADZLIZA MOHD NOOR** S.M.S, A.M.S
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

NASKAH DIGITAL



# objektifMPS

- Memberi dan meningkatkan perkhidmatan bandaran.
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan infrastruktur.
- Menyusun dan mengawasi pembangunan melalui kawasan pembangunan yang teratur serta terancang.
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan taman dan rekreasi.
- Mewujudkan suasana kecantikan kawasan selaras dengan objektif untuk menjadikan kawasan Majlis sebagai "Kawasan Taman Dalam Bandar".
- Mengeratkan perpaduan di antara rakyat di samping mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisiplin.
- Memainkan peranan di dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menarik aspek perindustrian, perancangan perumahan kos rendah dan program-program menggiatkan pelancongan.

# piagampelanggan

- Memberi perkhidmatan yang cekap dan sempurna bagi pengurusan perkhidmatan, kemudahan awam dan mengekalkan suasana harmoni, mesra kepada warga MPS.
- Mewujudkan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan yang sistematik berdasarkan prinsip-prinsip yang ditetapkan.
- Meningkatkan taraf kesihatan, kebersihan dan kestabilan alam sekitar ditahap yang terbaik melalui pemantauan yang berkesan.
- Membuat penilaian ke atas pegangan yang dikenakan cukai taksiran dan menguruskan harta sewaan secara adil.
- Memproses permohonan pelan pembangunan dengan cekap dan efisien supaya pembangunan tanah mencapai imbangan yang baik antara pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar.
- Memastikan projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dilaksana secara cekap dengan mengekalkan ciri-ciri alam semulajadi.



## **visi**MPS

Majlis Perbandaran Selayang Peneraju Pengurusan Cemerlang Ke Arah Perbandaran Mampan Menjelang Tahun 2020

## **misi**MPS

Memperkasa Pengurusan Perbandaran Kepada Seluruh Warga Selayang Melalui Perkhidmatan Bertaraf 5 Bintang Ke Arah Pembentukan Komuniti Sejahtera

NASKAH DIGITAL

# logo**mps**

Secara umumnya, logo MPS melambangkan kemajuan dan kepesatan pembangunan, tanggungjawab sebagai Penguasa Tempatan akan dilaksanakan dengan terbaik selaras dengan slogannya "Mampan, Progresif, Sejahtera".

Melambangkan MPS di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.

Melambangkan kejituan dan keteguhan semangat untuk membangunkan MPS selaras dengan wawasan dan matlamat organisasi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan.

Melambangkan perkembangan pembangunan perumahan, perindustrian dan pengekalan alam sekitar yang seimbang dan terancang.

Melambangkan MPS sebagai pusat perkembangan penyelidikan dan pembangunan dengan wujudnya Bandar Ilmu.

NASKAH DIGITAL

# lagurasmi

Perbandaran Selayang Indah Sejahtera
Penduduknya Berbilang Bangsa
Demi Kesejahteraan Semua
Seiring Wawasan Negara.

Bangunan MPS Tersergam Megah
Pembangunannya Tersusun Indah
Tiada Dilupa Tempat Riadah
Selayangku Semuanya Mudah.

Korus I:
Bertuah Sungguh Bandar Selayang
Penduduknya Yang Penyayang
Bersama MPS Kita Jayakan
Menuju Wawasan Negara.

Mampan Progresif Dan Sejahtera
Seiring Selayangku Sayang
Memangkin Pembangunan Negara
Membentuk Hidup Lebih Selesa.

MPS Menjamin Masa Depan
Dengan Pembangunan Yang Mampan
Majulah MPS Ke Hadapan
Menyahut Seruan Kerajaan.

( Ulang Korus I )

# bungarasmi

## BUNGA SIANTAN
## *IXORA SUNKIST*

**PENGELASAN SAINTIFIK**

**ALAM**
Tumbuhan

**DIVISI**
*Magnoliophyta*

**KELAS**
*Magnoliopsida*

**ORDER**
*Gentianales*

**FAMILI**
*Rubiaceae*

**GENUS**
*Ixora*

**SPESIES**
*I. jawa*

**BINOMIAL**
*Ixora jawa*



NASKAH DIGITAL




NASKAH DIGITAL




# kawasan pentadbiran MPS

NASKHAH DIGITAL

# demografi penduduk

Kawasan pentadbiran Selayang mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi dengan statistik sehingga tahun 2017 adalah pada kadar 677 ribu dan anggaran pada tahun 2030 mencecah 1 juta penduduk.

## analisa **demografi terkini**




NASKAH DIGITAL

**lelaki**

**51.7% (350,760)**

**wanita**

**48.3% (331,446)**

**NISBAH** 106 LELAKI UNTUK SETIAP 100 WANITA

isi rumah
**167,530**

Purata Saiz Isi Rumah
**4.1 ORANG / ISI RUMAH**

kelas
**umur 2017**




| | | |
|---|---|---|
| Warga Emas | **23,965 \| 3.42** |
| Kanak-Kanak | **174,420 \| 26%** |
| Pekerja | **479,440 \| 71%** |

NASKAH DIGITAL



# Barisan Pengurusan
## Majlis Perbandaran Selayang 2019

**Dato' Dr. Juhari bin Ahmad**
*Timbalan Yang Dipertua MPS*

**Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor**
*Yang Dipertua MPS*
*(Bermula 1 Oktober 2019)*

**Tuan Suliman Bin Abd Rahman**
*Yang Dipertua MPS*
*(Sehingga 22 Mac 2019)*

NASKAH



**Tn. Hj. Az'har bin Samsuri**
*Perbendaharaan*



**Pn. Mazurah binti Mohamed**
*Khidmat Pengurusan*



**En. Mohamad Zin bin Masoad**
*Korporat*



**Pn. Sr. Norshima binti Norzlan**
*Penilaian & Pengurusan Harta*



**Pn. Noriza binti Bahari**
*Perancang Bandar*



**Puan Rusni binti Abdullah @ Long**
*Bangunan*



**Tuan Hj. Shaiful Nor Aidil bin Mohd Jaya**
*Kejuruteraan*



**En. Abd. Razak bin Ahmad**
*Perundangan*



**En. Hairudin bin Daud**
*Pelesenan*



**En. Affendei bin Samingan**
*Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan*



**Pn. Norhayati binti Ahmad**
*Penguatkuasa & Keselamatan*



**En. LAr. Mokhtar Affandi bin Abdul Ghani**
*Landskap*



**Tuan Hj. Azmi bin Ismail**
*Pembangunan Masyarakat*



**En. Hasmawi bin Mat Junit**
*Teknologi Maklumat*



**Tuan Shamsul Azlan Bin Mohamad Anuar**
*Pusat Setempat (OSC)*



**Encik Sr Mohd Asraf bin Mat Yajid**
*Pesuruhjaya Bangunan (COB)*



**Pn. Zulaina binti Abu Talib**
*Audit Dalam*



**En. Hafizan bin Khamis**
*Kontrak & Ukur Bahan*



**En. Azhar bin Che Salleh**
*Urus Setia*



**En. Mohammad Faiz bin Omar**
*Integriti*

NASKAH DIGITAL



**Dato' Dr. Juhari bin Ahmad**
*Timbalan Yang Dipertua MPS*

**Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza Bin Mohd Noor**
*Yang Dipertua MPS*
*(Bermula 1 Oktober 2019)*

**Tuan Suliman Bin Abd Rahman**
*Yang Dipertua MPS*
*(Sehingga 22 Mac 2019)*

# Ahli Majlis
## Majlis Perbandaran Selayang 2019



**Puan Norridah binti A Wahab**
*Zon 1*



**YAD. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj. Wan Mahmood bin Pa'wan Teh**
*Zon 2*



**Puan Anfaal binti Saari**
*Zon 3*



**Tuan Mohd Azahari bin Daud**
*Zon 4*



**Datin Sharifah Salmah binti Syed Agil**
*Zon 5*



**Tuan Amir Fazlee bin Khalid**
*Zon 6*



**Tuan Deveandran A/L Selvaraju**
*Zon 7*



**Tuan Mohammad Faizal bin Ismail**
*Zon 8*



**Tuan Abdul Rahman bin Abdullah**
*Zon 9*



**Tuan Ahmad Zahiri Bin Zahid Sofian**
*Zon 10*



**Tuan Mohd Kassim bin Packiry**
*Zon 11*



**Tuan U Chin Ong**
*Zon 12*



**Puan Tam Kar Lye**
*Zon 13*



**Tuan Md. Sabri bin Md. Taib**
*Zon 14*



**Tuan Muhammad Najmi bin Samsudin**
*Zon 15*



**Tuan Saravanan A/L Muniandy**
*Zon 16*



**Puan P.Mariammal A/P S.Ponnusamy**
*Zon 17*



**Puan Choy Pooi Yee**
*Zon 18*



**Tuan Azman bin Yaakob**
*Zon 19*



**Puan Puspa Rizal binti Mohammad**
*Zon 20*



**Puan Zuraidah binti Abdul Majid**
*Zon 21*



**Tuan Ng Kok Chuan**
*Zon 22*



**Tuan Ng Wei Keong**
*Zon 23*



**Tuan Fok Wai Mun**
*Zon 24*

NASKAH DIGITAL

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aliran Tunai, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 38 telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Selayang pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Selayang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

NASKAH DIGITAL

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Ahli Majlis Perbandaran Selayang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Selayang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.



NASKAH DIGITAL

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Selayang.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Selayang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang memberi gambaran yang saksama.



NASKAH DIGITAL

**Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions* dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(ABD GHANI BIN SULAIMAN)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SHAH ALAM,SELANGOR
8 SEPTEMBER 2020
20 MUHARAM 1442

4 / 4

NASKAH DIGITAL

# MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
# PADA 31 DISEMBER 2019

| | NOTA | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| **Aset Semasa** | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima | 3 | 41,395,619 | 40,007,416 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima | 4 | 432,404 | 651,020 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan | 5 | 7,502,529 | 18,792,407 |
| Simpanan Tetap | 6 | 435,000,000 | 346,000,000 |
| Wang Dalam Bank dan Di Tangan | 7 | 5,055,223 | 8,295,471 |
| Inventori Bangunan | 8 | 1,484,000 | 1,282,000 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 490,869,775 | 415,028,314 |
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 9 | 820,429,546 | 41,106,666 |
| Hartanah Pelaburan | 10 | 7,823,128 | 8,292,184 |
| Aset Tak Ketara | 11 | 442,816 | 224,367 |
| Aset Dalam Pembinaan | 12 | 616,639 | 145,147 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | | 829,312,129 | 49,768,364 |
| **Jumlah Aset** | | **1,320,181,904** | **464,796,678** |
| **LIABILITI** | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru | 13 | 169,802,346 | 165,179,669 |
| Akaun Amanah | 14 | 205,334,983 | 146,972,242 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | 15 | 1,005,921 | 637,809 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri | 16 | - | 1,739,451 |
| Pinjaman Sewa Beli | 17 | 1,225,350 | 1,134,807 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | 377,368,600 | 315,663,978 |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | 15 | 1,178,989 | 1,045,313 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri | 16 | - | - |
| Pinjaman Sewa Beli | 17 | 1,753,958 | 2,008,056 |
| Pendapatan Tertunda | 18 | 308,520 | 285,980 |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | 3,241,467 | 3,339,349 |
| **Jumlah Liabiliti** | | **380,610,067** | **319,003,327** |
| **Aset Bersih** | | **939,571,837** | **145,793,351** |
| **EKUITI** | | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 19 | 939,112,398 | 145,372,486 |
| Tabung Khas Kakitangan | 20 | 459,439 | 420,865 |
| **Jumlah Ekuiti** | | **939,571,837** | **145,793,351** |

NASKAH DIGITAL

# MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
# PENYATA PRESTASI KEWANGAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | NOTA | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|---|
| **HASIL** | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | 21 | 185,889,790 | 198,168,469 |
| Urusniaga Pertukaran | 22 | 23,374,350 | 22,052,594 |
| Pelbagai Hasil | 23 | 7,883,224 | 3,973,792 |
| **JUMLAH HASIL** | | **217,147,364** | **224,194,855** |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| **PERBELANJAAN MENGURUS** | | | |
| Emolumen | 24 | 55,231,507 | 54,791,630 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 25 | 55,077,207 | 54,652,110 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 26 | 358,601 | 2,547,512 |
| Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | 27 | 34,070,056 | 19,092,789 |
| | | **144,737,371** | **131,084,041** |
| **PERBELANJAAN PEMBANGUNAN** | | | |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 28 | 77,298,725 | 87,605,307 |
| Aset | 29 | 799,760 | 948,674 |
| Pemberiaan dan Kenaan Bayaran Tetap | 30 | 394,476 | 235,561 |
| Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | 31 | 75,727 | 206,670 |
| | | **78,568,688** | **88,996,212** |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | **223,306,059** | **220,080,253** |
| **LEBIHAN / (KURANGAN) BAGI TAHUN** | | **(6,158,695)** | **4,114,602** |

NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL



# JABATAN **PERBENDAHARAAN**

# JABATAN PERBENDAHARAAN

Jabatan Perbendaharaan MPS bertanggungjawab di dalam semua hal mengenai kewangan, semua jenis pembayaran dan semua jenis kutipan cukai pintu di dalam kawasan pentadbiran MPS. Jabatan ini diketuai oleh Tn. Hj. Az'har bin Samsuri sebagai pengarah jabatan dan dibantu oleh 68 orang kakitangan di bawahnya.

## FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Perbendaharaan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :

- Mewujudkan sistem perakaunan Majlis Perbandaran Selayang dengan berasaskan kepada prinsip-prinsip perakaunan, arahan perbendaharaan dan peraturan kerja.
- Mengurus hasil dan mengawal perbelanjaan Majlis.
- Mengawal dan menguruskan bantuan-bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.
- Mengemukakan laporan kewangan Mesyuarat Majlis dan menyediakan penyata kewangan untuk dikemukakan ke Jabatan Audit Negeri.
- Menyediakan Bajet Tahunan Majlis dan mengendalikan akaun pindahan peruntukan dan peruntukan tambahan.
- Menguruskan pengeluaran pesanan tempatan (LO) bagi kerja, bekalan dan perkhidmatan.
- Memproses bayaran bagi pesanan tempatan (LO), tanpa pesanan tempatan (TLO), kontrak kerja dan lain-lain tuntutan.
- Mengurus dan bertanggungjawab bagi pengurusan aset alih dan stor Majlis.
- Bertanggungjawab menguruskan kutipan cukai taksiran Majlis.
- Bertanggungjawab menguruskan kutipan hasil letak kereta Majlis.
- Bertanggungjawab ke atas kutipan dan penyimpanan hasil Majlis.
- Menerima bayaran cukai tanah Pejabat Tanah dan Daerah dan cukai taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.






**Pengarah Jabatan**
Tuan Haji Az'har Bin Samsuri

**Timbalan Pengarah**
Puan Rohayu Binti Ramli

**Ketua Kerani**
Puan Zamilah Binti Mohd Noor

**Bahagian / Unit**
Bhg.Hasil
Bhg. Kewangan
Bhg. Pentadbiran

**Jumlah Kakitangan**
68 orang

Sayap A, Tingkat 1,
Menara MPS
03-6126 5953

NASKAH DIGITAL

## ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2019

| ANGGARAN HASIL | JUMLAH (RM) | % |
|---|---|---|
| Hasil Cukai | 111,707,060 | 59 |
| Hasil Bukan Cukai | 64,893,710 | 34 |
| Terimaan Bukan Hasil | 13,199,230 | 7 |
| **Jumlah Hasil** | **189,800,000** | **100** |
| **ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS** | | |
| Emolumen | 42,580,696 | 32 |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | 78,023,808 | 58 |
| Aset | 2,065,320 | 2 |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | 6,513,210 | 5 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | 5,554,100 | 4 |
| **Jumlah Perbelanjaan Mengurus** | **134,737,134** | **71** |
| **ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN** | | |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | 53,057,836 | 96 |
| Aset | 1,325,030 | 2 |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | 400,000 | 1 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | 280,000 | 1 |
| **Jumlah Perbelanjaan Pembangunan** | **55,062,866** | **29** |
| **Jumlah Perbelanjaan** | **189,800,000** | **100** |
| **SURPLUS / (DEFISIT)** | **0** | |
| | **(BERIMBANG)** | |

NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL



# JABATAN **KORPORAT**

# JABATAN KORPORAT

Jabatan Korporat MPS bertanggungjawab mengendalikan 4 aktiviti utama iaitu Perhubungan Awam, Penerbitan, Inovasi dan Aduan. Jabatan Korporat diketuai oleh En. Mohamad Zin bin Masoad sebagai Pengarah jabatan dengan dibantu 28 orang staf dibawah beliau.

## FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Korporat MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Membentuk dan meningkatkan imej korporat Majlis.
- Membuat kenyataan akhbar mengenai hal-hal berkaitan MPS kepada Media Massa
- Mengumpul keratan akhbar bagi berita berkaitan MPS untuk maklum balas tindakan.
- Menerima dan menyelaras aduan awam untuk tindakan.
- Menyelaeras semua acara dan program rasmi MPS.
- Menerbitkan bahan-bahan penerbitan.
- Mengurus dan menjadi urus setia program kualiti dan penyertaan anugerah.
- Mengendalikan Platform Sosial Media MPS






- **Pengarah Jabatan**
  Encik Mohamad Zin bin Masoad
- **Timbalan Pengarah**
  Encik Ahmad Fauzi bin Ishak
- **Ketua Kerani**
  Puan Atiqah binti Yahya
- **Bahagian / Unit**
  Bhg. Perhubungan Awam
  Bhg. Aduan
  Bhg. Inovasi
  Bhg. Penerbitan
- **Jumlah Kakitangan**
  28 orang

Sayap B, Tingkat 7
Menara MPS
03-6126 5824

NASKAH DIGITAL

## Bahagian Perhubungan Awam

### Senarai Program Majlis Rasmi MPS 2020

| BIL | MAJLIS RASMI | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1. | Perhimpunan Tahun Baharu 2019 Peringkat Majlis Perbandaran Selayang | Lobi Menara MPS | 9 Januari 2019 |
| 2. | Majlis "Jasamu Dikenang Budi Disanjung" Bagi Menghargai Pesara Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2019 | Lobi Menara MPS | 24 Januari 2019 |
| 3. | Program Kebun Komuniti Dan *Edible Garden* MPS Tahun 2018 | Dewan MPKK, Kg. Sg. Tua Baharu | 26 Januari 2019 |
| 4. | Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina 2019 Dan Perhimpunan Bulanan MPS | Perkarangan Menara MPS | 20 Februari 2019 |
| 5. | Program 'MPS Fun  Run' Bersemperna Hari Tanpa Kenderaan MPS 2019 | Dataran Ilmu Bandar Baru Selayang | 23 Februari 2019 |
| 6. | Program 3R Go Green Peringkat MPS | Dewan Keraian Tingkat 8, Menara MPS | 20 Mac 2019 |
| 7. | Majlis Perhargaan Dan Perpisahan Tuan YDP MPS | Lobi Menara MPS | 22 Mac 2019 |
| 8. | Kejohanan Badminton Komuniti Strata Piala YDP MPS 2019 | Badminton Sport Center, Selayang Mall | 23 & 24 Mac 2019 |
| 9. | Program Gotong – Royong Perdana Basmi Denggi KPKT 2019 | Medan Selera Pinggiran Baru Caves | 14 April 2019 |
| 10 | Program Lestari Bumi Hijau | Taman Rimba, Bukit Lagong | 27 Mac 2019 |
| 11. | Perhimpunan Bulanan Mei & Ceramah Ambang Ramadan MPS | Lobi MPS | 3 Mei 2019 |
| 12 | Program Memasak Bubur Lambuk Peringkat MPS | Perkarangan MPS | 15 Mei 2019 |
| 13. | Program Bazar Ramadan Mampan & Kempen Amalan Hijau Tahun 2019 | Bazar Ramadan Greenwood | 15 Mei 2019 |
| 14. | Kembara Ramadan | Lobi MPS | 24 Mei 2019 |
| 15. | Ihya' Ramadan MPS 2019 | Lobi MPS | 24 Mei 2019 |
| 16. | Majlis Ambang Syawal Peringkat MPS | Lobi MPS | 31 Mei 2019 |
| 17. | Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPS Tahun 2018 Dan Jamuan Hari Raya MPS Tahun 2019 | Lobi, Menara MPS | 18 Jun 2019 |
| 18. | Perhimpunan Bulan Julai & Majls Sambutan Hari Penguatkuasa Peringkat MPS Tahun 2019 | Dataran MPS | 1 Julai 2019 |
| 19. | Program Karnival 3w (Women, Welfare, Welness) Tahun 2019 | Padang Awam Batu Caves | 6 Julai 2019 |
| 20. | Program Pengembaraan Keselamatan Jalan Raya Konvoi Bermotor Ambang Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak 2019 | Dusun Durian Bentong, Pahang | 27 Julai 2019 |
| 21. | Ibadah Qurban Bersama KSDK Peringkat MPS | Parking Bangunan Lama | 14 Ogos 2019 |
| 22. | Program Kempen Tikus & Greenwood New Outlook | Medan Selera, Taman Greenwood | 24 Ogos 2019 |
| 23. | Perhimpunan Bulan Ogos & Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat MPS 2019 | Dataran MPS | 28 Ogos 2019 |
| 24. | Gua Damai Base Jump Tahun 2019 | Pusat Rekreasi Gua Damai Wira Damai | 15-17 September 2019 |
| 25. | Program Big Boy's Camp Shiels 2019 | Kem Nur Laman Bestari, Ulu Yam | 18-20 September 2019 |
| 26. | Program Pembangunan Usahawan India Negeri Selangor | Lobi MPS | 29 September 2019 |
| 27. | Perhimpunan Bulanan Dan Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan Sebagai Yang Dipetua MPS | Lobi MPS & Dewan Siantan | 1 Oktober 2019 |
| 28. | Hari Sungai Sedunia Peringkat MPS | GIBS tourism Ulu Yam | 6 Oktober 2019 |
| 29. | Sesi Pembukaan *Specialist Dispacth Project, The Japan Council Of Local Authories For International Relations* (JCLAIR) | Bilik Siantan, Bangunan Lama | 7 Oktober 2019 |

NASKAH DIGITAL

| BIL | MAJLIS RASMI | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 30. | Majlis Perasmian Penutup Karnival Sukomsel | Selayang Mall | 13 Oktober 201923 |
| 31. | Majlis Pelancaran Bengkel Kebudayaan MPS 2019 | Bilik Keraian, Ting 8 | Oktober 2019 |
| 32. | Majlis Perasmian Pusat Kitar Strata & Program Gotong Royong Perdana Pangsapuri Mawar (A) Dan Teratai (B), Selayang Mulia | Dewan Pangsapuri Mawar (A) Dan Teratai (B), Selayang Mulia | 3 November 2019 |
| 33. | Majlis Penutup Kejohanan Selayang Bmx Challenge 2019 | Trek Bmx Gua Damai, Batu Caves | 2-3 November 2019 |
| 34. | Program Ceramah Agama Sempena Sambutan Maulidur Rasul Bagi Tahun 1441h/2019m | Lobi Menara MPS | 8 November 2019 |
| 35. | Kejohanan Ping Pong Pesta Sukan Gen-S Peringkat MPS | Kompleks Sukan Sri Siantan | 9 November 2019 |
| 36. | Majlis Perhimpunan Bulanan November MPS 2019 | Lobi Menara MPS | 11 November 2019 |
| 37. | Karnival Alam Sekitar Dan Kepenggunaan Peringkat MPS 2019 | Dataran Setia Tasik Biru Kundang | 16 November 2019 |
| 38. | Majlis Pelancaran Bas Smart Selangor MPS 3 (Laluan Batu Arang – Ktm Sungai Buloh) | Pekan Batu Arang, Rawang | 29 November 2019 |
| 39. | Program Ultimate Direction Batu Arang Tahun 2019 | Pekan Batu Arang, Kuang | 1 Disember 2019 |
| 40. | Majlis Perhimpunan Bulan Disember & Sambutan Hari Inovasi & Integriti MPS Tahun 2019 | Lobi Menara MPS | 9 Disember 2019 |
| 41. | Karnival Belia Selayang Tahun 2019 | Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang | 14 Disember 2019 |
| 42. | Ceria Kembali Ke Sekolah Peringkat MPS 2019 | Mydin Subang Jaya | 19 Disember 2019 |
| 43. | Majlis Anugerah Reward YDP MPS Tahun 2018 | De' Chang Mai Thai Seafood Restaurant | 31 Disember 2019 |

## Bahagian Penerbitan

Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas urusan penerbitan dan percetakan bahan-bahan maklumat Majlis serta merancang, mengurus dan memantau pendokumentasian pengurusan keseluruhan proses penerbitan. Selain itu, Bahagian penerbitan juga bertanggungjawab mengendalikan promosi pameran dan maklumat rekaan majalah, brochures, kad hari raya, poster, buku cenderamata, *leafleat*, pelekat, backdrop untuk pentas, diari, kalender, laporan tahunan, buku aturcara, program inovasi dan lain-lain.

## Bahagian Aduan

### Laporan Aduan Dan Maklumbalas Pelanggan Tahun 2019

### Aduan Pelanggan

Secara keseluruhannya, jumlah aduan yang diterima sepanjang bulan Januari sehingga Disember 2019 adalah sebanyak 16,395 aduan. Sebanyak 16,395 aduan yang telah berjaya diselesaikan dan jumlah peratus keseluruhan bagi aduan adalah sebanyak 100%.

Setiap aduan yang diterima dipanjangkan kepada jabatan-jabatan berkaitan dan pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa oleh Jabatan Korporat agar setiap aduan dapat diselesaikan. Berdasarkan statistik terbaru dapat dilihat peningkatan aduan yang diterima bagi tahun 2018 dan 2019. Walaubagaimanapun, Jabatan Korporat memohon agar jabatan yang berkaitan berusaha mengambil tindakan dan penyelesaian yang lebih berkesan dalam menangani aduan terutama aduan yang berulang.

Mesyuarat Penyelesaian Aduan diadakan sebulan sekali bagi membantu jabatan membincangkan dan menyelesaikan aduan-aduan yang tertunggak dan perlukan perhatian.

NASKAH DIGITAL

## Maklum Balas Kepuasan Pelanggan

Jabatan Korporat telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan borang soal-selidik (e-Soal) di setiap kaunter hadapan MPS. Selaras dengan misi dan visi untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang, maklum balas orang ramai telah dibuat analisa bagi tujuan memperbaiki sistem perkhidmatan dan membuat cadangan penambah baikan kepada pihak pengurusan di mesyuarat koordinasi, langkah-langkah pembaikan yang boleh dibuat.
Terdapat 25 jenis urusan yang disenaraikan untuk dinilai pelanggan.

Daripada jumlah tersebut, 5 urusan tertinggi pelanggan yang datang ke MPS bagi bulan Januari hingga Disember 2019 adalah seperti berikut :

| JENIS URUSAN | PERATUSAN URUSAN TERTINGGI |
|---|---|
| Layanan Kaunter Perkhidmatan | 63 % |
| Permohonan Lesen | 54 % |
| Aduan Pelanggan | 35 % |
| Kompaun dan Saman | 32 % |
| Permohonan Pindah Milik | 28 % |

## Jumlah Aduan Mengikut Kawasan Majlis

| KAWASAN | JUMLAH ADUAN |
|---|---|
| Mukim Batu | 9,569 |
| Mukim Rawang | 6,184 |
| Mukim Setapak | 642 |
| JUMLAH | 16,395 |





Bagi tahun 2019, MPS telah mengadakan sebanyak 5 kali Hari Bertemu Pelanggan dan menerima 300 aduan. Aktiviti turun padang juga turut diadakan bagi membolehkan Tuan Yang Dipertua melihat sendiri aduan-aduan yang memerlukan tindakan segera.

## Hari Bertemu Pelanggan

| BIL | BULAN | JUMLAH ADUAN | TARIKH ROGRAM |
|---|---|---|---|
| 1. | FEBRUARI | 77 | 26 Februari 2019 |
| 2. | MEI | 42 | 10 Mei 2019 |
| 3. | JUN | 37 | 28 Jun 2019 |
| 4. | SEPTEMBER | 72 | 27 September 2019 |
| 5. | OKTOBER | 72 | 25 Oktober 2019 |
| **JUMLAH** | | **300** | |

## Majlis Dialog / Kaunter Aduan

| BIL | LOKASI | TARIKH ROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | Depan Musolla, Jalan Besar Kg Selayang Indah | 28 September 2019 |
| 2. | Puteri Central Park, Bandar Tasik Puteri | 18-20 Oktober 2019 |

## Mesyuarat Aduan Ahli Majlis / Adun

| BIL | LOKASI | TARIKH ROGRAM |
|---|---|---|
| MESYUARAT BERSAMA AHLI MAJLIS | | |
| 1. | 27 Februari 2019 | BIL.1/2019 |
| 2. | 29 Oktober 2019 | BIL.2/2019 |
| 3. | 27 November 2019 | BIL.3/2019 |
| 4. | 24 Disember 2019 | BIL.4/2019 |
| MESYUARAT BERSAMA AHLI MAJLIS | | |
| 1. | 25 November 2019 | BIL.1/2019 |

## Mesyuarat Aduan STAR

| BIL | BIL | TARIKH ROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | BIL.1/2019 | 25 Januari 2019 |
| 2. | BIL.2/2019 | 21 Februari 2019 |
| 3. | BIL.3/2019 | 14 Mac 2019 |
| 4. | BIL.4/2019 | 16 Mei 2019 |
| 5. | BIL.5/2019 | 20 Jun 2019 |
| 6. | BIL.6/2019 | 15 Ogos 2019 |
| 7. | BIL.7/2019 | 16 Oktober 2019 |
| 8. | BIL.8/2019 | 12 November 2019 |




## Buku Panduan Aduan

Bagi memudahkan urusan aduan orang ramai, MPS telah menerbitkan Buku Panduan Aduan sebagai rujukan tentang jenis-jenis aduan serta agensi yang perlu dirujuk. Buku ini boleh didapati secara percuma di kaunter aduan MPS atau dimuat turun versi digital di portal rasmi Majlis Perbandaran Selayang.

MASKAH DIGITAL

## Bahagian Inovasi

| BIL. | NAMA ANUGERAH / PENCAPAIAN | ACARA / KATEGORI | JABATAN | TARIKH | TEMPAT / AGENSI PEMBERI ANUGERAH | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) | Ahli | MPS | 2019 | Persatuan PBT Malaysia | Sijil Penyertaan |
| 2. | Perkhemahan Pengakap Pendidikan Khas Peringkat Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Penaja | MPS | 6-8 Mac 2019 | Kementerian Pendidikan Malaysia | Sijil Penyertaan |
| 3. | Anugerah Pencapaian 30% Wanita Pembuat Keputusan | Program Majlis Apresiasi Kepimpinan Wanita Negeri Selangor | MPS | 15 Mac 2019 | Shah Alam Convention Center | Sijil Penyertaan |
| 4. | Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Pantai Timur Kumpulan Promosyst (Senarai ahli) (RTEx) | Kategori PBT | Kejuruteraan | 31 Julai - 1 Ogos 2019 | MPC Kelantan | Sijil Penyertaan Anugerah Emas |
| 5. | Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Do-It-Yourself En.Mohamad Zin bin Masoad | Kategori PBT | MPS | 1 Jun 2019 | MAMPU, Jabatan Perdana Menteri | Sijil Pengiktirafan : Baik |
| 6. | Kursus Pengurusan Penangkapan dan pelupusan Anjing Terbiar | Kategori PBT | MPS | 30 Oktober 2019 | KPKT | Sijil Penyertaan |
| 7. | Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (Ntex) 2019 Sempena Annual Productivity & Innovation Conference Kumpulan Promosyst (Senarai ahli) And Exposition (APIC) 2019 | Kategori PBT | MPS | 5-7 November 2019 | MPC Sunway Pyramid Convention Center | Sijil Penyertaan Anugerah Emas 5 Bintang |
| 8. | Pelaksanaan Audit pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Tahun 2019 | Kategori PBT | Korporat | 7-9 Oktober 2019 | MPS | Sijil Pegiktirafan MS ISO 9001:2015 SIRIM |
| 9. | Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) oleh SIRIM QAS International Tahun 2019 YBhg. Dato' Dr. Juhari bin Ahmad | Kategori PBT | Korporat / Teknologi Maklumat | 29-30 Oktober 2019 6-8 November 2019 | MPS | Sijil Pengiktirafan ISO/ IEC 27001:2013 (ISMS) |
| 10. | Penghargaan Komitmen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Dalam Melaksanakan Program Kejiranan Hijau | Kategori PBT Kejiranan Hijau | Perancang Bandar / JPSPK / COB | 15 November 2019 | PLAN Malaysia | Sijil Penghargaan |
| 11. | My Place Award 2019 YBhg. Dato' Dr. Juhari bin Ahmad | Kategori PBT Outdoor Public Park | Perancang Bandar / Landskap | November 2019 | Malaysia Institute of Planners | Sijil Penyertaan Anugerah Emas |







NASKAH DIGITAL

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 12. | Penghargaan dalam Program Pladge and Plant A Tree Programme | Kategori PBT Program Tanam Pokok | Perancang Bandar / Landskap/ Korporat/ JPSPK | 16 November 2019 | Malaysia Institute of Planners | Sijil Penghargaan |
| 13. | Pertandingan Futsal Sempena Hari Profesion Teknikal Negara 2019 | Kategori PBT | KSDK | 1 Disember 2019 | Uptown Sport Bangi | Sijil Penyertaan Naib Johan |
| 14. | Partnership Appreciation | Pelancongan | Landskap | 2019 | MOTAC, Selangor | Sijil Penyertaan Negeri |
| 15. | Sijil Penyertaan Kewangan 2018 | - | Perbendaharaan | 29 Ogos 2019 | Jabatan Audit Negara | Sijil Bersih |
| 16. | Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2018 | - | Perbendaharaan | 15 Julai 2019 | Jabatan Audit Negara | 5 Bintang |
| 17. | 100 % KPI HRMIS Tahun 2018 | | Khidmat Pengurusan | 2019 | SUK Selangor | 5 Bintang |
| 18. | Penyertaan Pasukan Ping pong MPS ke Karnival Sukan Kerajaan Tempatan Malayasia (SKTM) 2019 | Ping Pong Berpasukan | MPS | 14-16 November 2019 | Majlis Perbandaran Klang | Tempat ke-3 |
| 19. | Anugerah YDP MPS 2018 (APPC 2018 & Naib Johan Sepanduk Terbaik Maulidur Rasul) | Kategori PBT Kategori Peningkatan Imej | Korporat | 31 Disember 2019 | De Chiangmai Thai Restoran | 3 Bintang |
| 20. | Anugerah YDP MPS 2018 ( Anugerah Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan) | Kategori PBT Kategori Peningkatan Imej | Korporat | 31 Disember 2019 | De Chiangmai Thai Restoran | 4 Bintang |









# JABATAN
# **KHIDMAT PENGURUSAN**

NASKAH DIGITAL

# JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Jabatan Khidmat Pengurusan (JKP) MPS bertanggungjawab menguruskan hal ehwal sumber manusia seperti urusan pelantikan, kenaikan gaji, pengurusan cuti dan pencen dan pinjaman perumahan kakitangan MPS. Selain daripada itu, JKP juga menguruskan dan menyelia latihan kakitangan seperti kursus, bengkel, seminar, dan peperiksaan. Di samping menguruskan pembekalan aset dan stok bekalan pejabat termasuk perolehan dan pembayaran bagi perkhidmatan dan pembekalan, JKP turut terlibat dengan perlindungan insurans tanggungan awam, bangunan dan aset serta urusan panel perubatan kakitangan, pegawai dan ahli majlis. JKP diketuai oleh Puan Mazurah Binti Mohamed sebagai Pengarah dengan dibantu oleh 61 orang kakitangan beliau.

## PIAGAM PELANGGAN

- Menguruskan pelantikan staf ke atas kekosongan jawatan secara hakiki dalam tempoh 3 bulan dari kekosongan.
- Memastikan perakuan keputusan temuduga di bawa ke Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik dalam tempoh 30 hari bekerja.
- Memproses dokumen pengesahan dalam jawatan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas semua syarat dipenuhi.
- Memastikan semua pegawai dan kakitangan mengikuti latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun.
- Mengesahkan tuntutan bayaran bagi pembekalan, perkhidmatan dan kerja berdasarkan tarikh terimaan Pesanan Tempatan (L/O) daripada Jabatan Perbendaharaan dalam tempoh 7 hari bekerja.

## FUNGSI DAN LAPORAN BAHAGIAN

## BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

- Menguruskan dan memantau segala urusan Pembangunan Organisasi bagi memastikan agensi mempunyai tenaga kerja yang mencukupi.
- Menguruskan dan memantau segala urusan Pengurusan Sumber Manusia bagi memastikan agensi menjalankan fungsi yang ditetapkan dengan cekap dan berkesan.
- Menyelaras dan memantau segala urusan berkaitan kursus/ bengkel/ seminar / lawatan untuk semua wargakerja MPS bagi memastikan kecekapan dan peningkatan prestasi kerja dikalangan warga kerja.
- Menyemak serta memperakukan urusan pinjaman bagi memastikan urusan pinjaman MPS mematuhi peraturan & SOP.
- Menyelaras dan memantau kuarters MPS bagi memastikan segala urusan yang berkaitan kuarters MPS berjalan dengan baik.
- Memantau pengurusan Taska MPS bagi memastikan Taska berada di dalam keadaan yang baik.
- Memantau dan menyelaras aktiviti AKRAB MPS.
- Menyelaras dan memantau pelaksanaan Human Resource Management Information System (HRMIS)



▶ **Pengarah Jabatan**
Puan Mazurah binti Mohamed

▶ **Timbalan Pengarah**
Puan Su @ Noor Hafizah binti Mohamad Lasim

▶ **Ketua Kerani**
1. Puan Jamaliah binti Ahmad
2. Puan Rosmah binti Mohd Isa

▶ **Bahagian / Unit**
Bhg. Sumber Manusia
Bhg.Pentadbiran
Bhg Khidmat Pengurusan

▶ **Jumlah Kakitangan**
61orang

Sayap A, Tingkat 7
Menara MPS
03-6126 5812

NASKAH DIGITAL

## LAPORAN - BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

### A. Laporan Lantikan Baharu MPS Tahun 2019

| KUMPULAN | TETAP | KONTRAK | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| Pengurusan Tertinggi | 0 | 0 | 0 |
| Pengurusan dan Profesional | 1 | 0 | 1 |
| Pelaksana – Sokongan I (Gred B &C)<br>Sokongan II (Gred D) | 11<br>2 | 18<br>11 | 29<br>13 |
| JUMLAH | 14 | 29 | 43 |

### B. Laporan Perjawatan MPS Tahun 2019

| KUMPULAN | TETAP | KONTRAK | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| Pengurusan Tertinggi | 1 | 0 | 1 |
| Pengurusan dan Profesional | 49 | 18 | 67 |
| Pelaksana – Sokongan I (Gred B &C)<br>Sokongan II (Gred D) | 390<br>279 | 277<br>66 | 667<br>345 |
| JUMLAH | 719 | 361 | 1080 |

## LAPORAN - UNIT LATIHAN

### A. Pelaksanaan Kursus 2019

| BIL | JENIS KURSUS | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Kursus Dalaman | 133 |
| 2. | Kursus Luaran | 174 |



### B. Jumlah Pencapaian Bilangan Kakitangan Hadiri Kursus Tahun 2019

| BIL.HARI BERKURSUS | JUMLAH KAKITANGAN | PERATUS % |
|---|---|---|
| >7 | 567 | 53.85 |
| 6 | 65 | 6.17 |
| 5 | 85 | 8.07 |
| 4 | 84 | 7.98 |
| 3 | 103 | 9.78 |
| 2 | 73 | 6.93 |
| 1 | 65 | 6.17 |
| 0 | 11 | 1.04 |

## LAPORAN - UNIT HRMIS

### Pelaksanaan Sistem Aplikasi Hrmis Mengikut Modul Bagi Tahun 2019

| MODUL | PERATUS (%) |
|---|---|
| Pemurnian Data Berintegriti ( Data Perjawatan,Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan) | 100 |
| Pelaksanaan Fungsi Sasaran Kerja Tahunan | 100 |
| Pelaksanaan Modul Laporan Nilaian Prestasi Tahunan | 100 |
| Pelaksanaan Submodul Perisytiharan Harta | 100 |

NASKAH DIGITAL

## LAPORAN - TASKA MPS

Nisbah Kanak-Kanak : Pengasuh

| BIL | UMUR | KADAR DITETAPKAN JKM | | KADAR DIAMBIL | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Bilangan Kanak-kanak | Nisbah Pengasuh | Bilangan Kanak-kanak | Nisbah Pengasuh |
| 1. | 2 Tahun Ke Bawah | 3 | 1 | 6 | 3 |
| 2. | 2 - 5 Tahun | 5 | 1 | 15 | 3 |
| **JUMLAH** | | | | 21 | 6 |

Jumlah Yuran kanak-kanak Taska MPS

| UMUR | JUMLAH YURAN |
|---|---|
| Bayi (0 – 1 Tahun 11 Bulan) | 160.00 |
| Kanak-Kanak (2 Tahun- 3Tahun 11 Bulan) | 120.00 |
| Kanak-Kanak (4 Tahun- 5 Tahun) | 100.00 |
| JUMLAH KANAK-KANAK : 21 Orang<br>JUMLAH KAKITANGAN : 07 Orang | |

Lokasi : **KUARTERS MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**
No.3-107 & 3-108, Jalan 2/9A,
Apartment Mas Merah,
Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor.

## BAHAGIAN PENTADBIRAN

- Menyelaras dan memantau hal ehwal pengurusan kenderaan/pemandu Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan setiap pergerakan kenderaan/ pemandu berjalan lancar.
- Menyelaras dan memantau pengurusan kebajikan Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan kebajikan tanggungan dijaga.
- Mengurus dan menyelia Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan kawalan keselamatan dokumen, peribadi dan fizikal dilaksanakan mengikut akta yang berkuatkuasa.
- Menyelaras Jawatankuasa Pengurusan Risiko Majlis Perbandaran Selayang bagi memastikan Pelan Pengurusan Risiko setiap jabatan dalaman dilaksanakan dan dikemaskini.

NASKAH DIGITAL

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Menyelaras serta menguruskan urusan perolehan bagi memastikan prosedur kewangan dipatuhi.
- Menyelaras dan menguruskan kontrak kerja bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
- Menyelaras serta menguruskan pengurusan aset alih dan stor bagi memastikan segala tatacara mengikut peraturan & SOP.
- Memantau dan menyelaras Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA).

### Laporan Perkhidmatan Pembekalan Tahun 2019

#### i. Perabot dan Alat Kelengkapan Pejabat

| BIL | PERKARA | KUANTITI | RM |
|---|---|---|---|
| 1. | Harta Modal | 47 | 145,848.00 |
| 2. | Inventori | 688 | 316,023.00 |
| | **JUMLAH** | **735** | **461,871.00** |

#### ii. Stok dan Bekalan

| BIL | PERKARA | KUANTITI | RM |
|---|---|---|---|
| 1. | Alat Tulis dan Bahan-bahan Bercetak | 109,219.50 | 499,512.23 |







NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL



# JABATAN **PERUNDANGAN**

NASKAH DIGITAL

# JABATAN PERUNDANGAN

Jabatan Perundangan MPS bertanggungjawab menjalankan aktiviti menguruskan hal-hal perundangan undang-undang MPS termasuk hal-hal pendakwaan dan sivil, meneliti dan mengawasi kes yang melibatkan apa-apa tuntutan terhadap pihak MPS dan pada mana-mana pihak, memberi nasihat perundangan, menggubal undang-undang MPS, meningkatkan pengetahuan kakitangan dan pegawai mengenai hal-hal undang-undang dan menentukan dan melaksanakan langkah awalan serta mengarahkan pendakwaan. Jabatan ini dipimpin oleh En. Abdul Razak bin Ahmad sebagai pengarah jabatan dan dibantu seramai 27 orang kakitangan di bawah beliau.

## FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Perundangan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Memberi nasihat dan pandangan mengenai perkara yang berkaitan dengan perundangan MPS.
- Menggubal dan meminda undang-undang kecil Majlis dari semasa ke semasa.
- Merangka kertas-kertas pertuduhan, sama ada aduan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang awam dan menjalankan pendakwaan di mahkamah iaitu sebutan dan perbicaraan.
- Mengambil tindakan ke atas guaman sivil.



- **Pengarah Jabatan**
  Encik Abdul Razak Bin Ahmad
- **Timbalan Pengarah**
  Puan Suhaila Binti Abdul Hamid
- **Ketua Kerani**
  Puan Norhaida Binti Djoharnis
- **Bahagian / Unit**
  Bhg. Pendakwaan
  Bhg. Guaman Sivil
  Bhg.Pengurusan Pentadbiran
- **Jumlah Kakitangan**
  27 orang

Sayap B, Tingkat 4,
Menara MPS
03-6126 5875





NASKAH DIGITAL

## PENCAPAIAN SASARAN TAHUN 2019

| BIL | PERKARA / ULASAN | KUANTITI/ SASARAN | TEMPOH | PERATUSAN PENCAPAIAN | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | KUANTITI | PERATUS | |
| 1. | Tawaran mengkompaun | 5,000 Notis | Jan-Dis 2019 | 4,178 Notis | 83.56% | |
| 2. | Pendakwaan | 1,100 Kes | Jan-Dis 2019 | 1,218 Kes | 110.73% | |
| 3. | Pendaftaran kaveat untuk kes-kes tunggakan cukai | 100 Akaun | Jan-Dis 2019 | 50 Akaun | 50% | |
| 4. | Tindakan menuntut tunggakan cukai melalui panel peguam | 100 Akaun | Jan-Dis 2019 | 62 Akaun | 62% | |
| 5. | Semakan undang-undang | 6 Uuk | Jan-Dis 2019 | 10 Pindaan/ gubalan | 166.67% | PBT Selangor mempunyai UUK yang seragam |

## LAPORAN KOMPAUN BAGI TAHUN 2019

| BIL | PERKARA / ULASAN | KUANTITI |
|---|---|---|
| 1. | Notis pemberitahuan kesalahan dan kompaun | 12.997 |
| 2. | Kompaun dibayar | RM 1,726,725.00 |
| 3. | Kompaun tidak dibayar | RM 4,697,900.00 |
| 4. | Kompaun batal | 430 |





NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL



# JABATAN **BANGUNAN**

MASKAN DIGITAL

# JABATAN BANGUNAN

Jabatan Bangunan MPS bertanggungjawab mengendalikan 3 aktiviti utama iaitu memastikan permohonan kelulusan pelan bangunan diproses mengikut peruntukan akta undang-undang kecil bangunan dan garis panduan yang ditetapkan bagi mencapai piagam pelanggan yang menepati matlamat pembangunan Majlis Perbandaran Selayang, melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap bangunan dan ubah suai bangunan mengikut peruntukan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, menyelaras dan melaksanakan pelan rekabentuk senibina bangunan bagi projek-projek MPS dan pemeliharaan tapak warisan serta pengindahan bandar. Jabatan Bangunan diketuai oleh Puan. Sr. Rusni Binti Abdullah@Long sebagai Pengarah jabatan dengan dibantu 47 orang staf dibawah beliau.



- **Pengarah Jabatan**
  Puan Rusni Binti Abdullah@ Long
- **Timbalan Pengarah**
  Tuan Haji Mohd Syukri Bin Abdullah Zawawi
- **Ketua Kerani**
  Puan Faizah Binti Adam
- **Bahagian / Unit**
  Bhg. Pelan
  Bhg. Permit
  Bhg. Penguatkuasaan
  Unit Pentadbiran
- **Jumlah Kakitangan**
  47 orang

Sayap A, Tingkat 6,
Menara MPS
03-6126 5842

## FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Bangunan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menyemak dan memproses semua jenis permohonan pelan bangunan melalui Jabatan Pusat Setempat yang dikemukakan oleh orang utama yang mengemukakan (PSP) dalam kawasan Majlis Perbandaran Selayang untuk keputusan.
- Membuat pemeriksaan dan menyediakan laporan bagi bangunan-bangunan yang telah siap yang mematuhi garis panduan bagi tujuan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki.
- Memproses permit bangunan sementara melalui Jabatan Pusat Setempat.
- Merekod penerimaan Borang F (CCC) perakuan siap dan pematuhan daripada Jabatan Pusat Setempat.
- Menerima dan memproses Permohonan Tuntutan Wang Cagaran Bangunan.

## BAHAGIAN PELAN

**A. UNIT PELAN DAN KAWALAN**
**B. UNIT KAUNTER, MAKLUMAT DAN SISTEM**

### A. UNIT PELAN DAN KAWALAN

1.1 Memproses Permohonan Pelan Bangunan

Bahagian Pelan, Jabatan Bangunan telah menerima dan memproses permohonan pelan bangunan melalui :
(a) Kaunter Jabatan Bangunan
(b)Jabatan Pusat Setempat (OSC)

Permohonan akan dipertimbangkan untuk kelulusan sekiranya permohonan lengkap diterima dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Di bawah disenaraikan pencapaian bagi tahun 2019:

NASKAH DIGITAL

| BIL | PERKARA | JENIS PERMOHONAN | KUANTITI |
|---|---|---|---|
| 1. | **Permohonan Pelan Bangunan melalui Jabatan Pusat Setempat (OSC)**<br>(kategori Perumahan / Pembangunan Bercampur, Industri / Perkilangan, Komersil, Institusi / Lain-Lain, Telekomunikasi, Tambahan Industri / Perkilangan, Tambahan Komersil,Tambahan Institusi / Lain-lain, Pindaan Kepada Pelan Kelulusan dan Bangunan Sementara), ExPA | • Permohonan Serentak<br>• Komersil<br>• Perkilangan / Industri<br>• Lain-Lain<br>• Tambahan Pindaan Perumahan / Pembangunan Bercampur<br>• Tambahan Pindaan Komersil<br>• Tambahan Pindaan Perkilangan / Industri<br>• Pindaan Kepada Pelan Kelulusan<br>• Bangunan Sementara<br>• ExPA | 31<br>-<br>2<br>1<br>2<br>20<br>16<br>10<br>48<br>2 |
| 2. | **Permohonan Pelan Bangunan dan Permit Kecil melalui Kaunter Jabatan Bangunan**<br>(Kategori : Rumah Sesebuah, Tambahan Rumah Kediaman, Buku Panduan dan Permit Kecil) | • Rumah Sesebuah / Banglo (1/8)<br>• Tambahan / Pindaan Kediaman (1/8..A)<br>• Buku Panduan / Pelan Setara (BP/8)<br>• Permit Khemah Ugama (13/8..U)<br>• Permit Baiki (13/8..(AW) / (G) / (B) / (SD) / Bollard / Kabin<br>• Permit Khemah Keraian | 77<br>672<br>163<br>46<br>242<br>706 |

1.2) Memproses Permohonan Buku Panduan (Kelulusan 3 Hari Bekerja)

Permohonan Buku Panduan merupakan permit bagi Kerja-Kerja Kecil Tambahan dan ubahsuaian bangunan. Permohonan Buku Panduan telah dijadikan satu inovasi di bawah *Business Process Reengineering* (BPR) mewakili MPS dan telah dilaksanakan dan berkuatkuasa pada Januari 2010. Kelulusan Buku Panduan ini dikeluarkan melalui penurunan kuasa Yang Dipertua kepada pegawai yang meluluskan permohonan. Kaedah ini bukan sahaja dapat mengurangkan rungutan orang awam malahan juga dapat menambahbaik proses dalaman organisasi.

| No. | Perkara | Kuantiti |
|---|---|---|
| 1. | Permohonan Buku Panduan | 163 |

1.3) Lawatan Berkala (Kawalan)

- Kawalan Bangunan
- Borang B
- CCC – *Certificate of Completion and Compliance*
- Lucut Hak Cagaran

## B. UNIT KAUNTER, MAKLUMAT DAN SISTEM

2.1 Merekod Penerimaan Sijil Perakuan Penyiapan Dan Pematuhan (Borang F)

Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (Borang F) (CCC – *Certificate of Completion and Compliance*) telah diterima dan direkodkan sepanjang tahun 2019 seperti senarai dibawah.

| No. | Perkara | Kuantiti |
|---|---|---|
| 1. | Borang F CCC (Permohonan Melalui Jabatan Pusat Setempat) | 48 |
| 2. | Borang F CCC (Permohonan Melalui Jabatan Bangunan)<br>i. Tambahan / Pindaan Rumah Kediaman<br>ii. Rumah Sesebuah / Banglo | 62 |

NASKAH DIGITAL

### 2.2 Merekod Penerimaan Borang B (Mula / Sambung Kerja)

Borang B (Mula / Sambung Kerja) telah diterima dan direkodkan sepanjang tahun 2019 seperti senarai dibawah.

| No. | Perkara | Kuantiti |
|---|---|---|
| 1. | Borang B (Permohonan Melalui Jabatan Pusat Setempat) | 47 |
| 2. | Borang B (Permohonan Melalui Jabatan Bangunan)<br>i. Tambahan / Pindaan Rumah Kediaman<br>ii. Rumah Sesebuah / Banglo | <br>44<br>18 |

## BAHAGIAN PERMIT

### A. MEMPROSES PERMOHONAN BARU PERMIT TAHUNAN

Bahagian Permit, Pemantauan dan Rekabentuk, Jabatan Bangunan telah menerima dan memproses permohonan pelan permit tahunan bangunan melalui :

(a) Jabatan Pusat Setempat (OSC)

(b) Kaunter Jabatan Bangunan

Permohonan akan dipertimbangkan untk kelulusan sekiranya permohonan lengkap diterima dan mematuhi garispanduan yang telah ditetapkan. Di bawah disenaraikan pencapaian bagi tahun 2019.

| No. | Perkara | Kuantiti |
|---|---|---|
| 1. | Permohonan Permit Telekomunikasi melalui Jabatan Pusat Setempat (OSC) | 9 |
| 2. | Permohonan Baru Permit Tahunan Sementara dan Pelan Bangunan As Built melalui Kaunter Jabatan Bangunan<br>(Kategori : Rumah Sesebuah, Tambahan Rumah Kediaman, Bangunan Selain Kediaman dan Permit Tahunan Sementara) | 129 |

### B. MEMPROSES BIL AWAL BAGI PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERMIT TAHUNAN (BERAKHIR 31 DISEMBER SETIAP TAHUN) DAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERMIT TAHUN 2019

| No. | Perkara | Kuantiti |
|---|---|---|
| 1. | Proses Bil Awal Permit (Semua akaun permit) | 1652 |
| 2. | Permohonan Pembaharuan Permit Telekomunikasi (Telekomunikasi) | 415 |
| 3. | Permohonan Pembaharuan Permit Tahunan | 1237 |

## BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

1. Tindakan penguatkuasaan dan pemantauan bangunan adalah mengikut peruntukan Undang-undang sedia ada berdasarkan :

- Undang-undang Kecil Bangunan 1984 (UKBS 1984)
- Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133)

2. Tindakan kompaun dan notis kesalahan bangunan di bawah Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) bagi tahun 2019.

| KOMPAUN | NOTIS |
|---|---|
| 119 | 405 |

MASKAH DIGITAL

3. Bertanggungjawab dalam membuat siasatan dan mengambil tindakan terhadap aduan awam berkaitan dengan bangunan seperti membina bangunan tanpa kebenaran, pembinaan berskala besar (pemajuan) yang mendatangkan kacauganggu (bunyi bising, bangunan retak dan lain-lain yang berkaitan), membuat ubahsuaian / tambahan tanpa kebenaran, dan longgokan bahan binaan bagi kerja pembinaan.

### Pencapaian Penyelesaian Aduan 2019

| BIL | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Jumlah aduan diterima | 584 |
| 2 | Aduan selesai | 576 |
| 3 | Aduan belum selesai | 1 |
| 4 | Aduan batal | 7 |
| **PENCAPAIAN** | | **98.6%** |

### Operasi Jabatan 2019

| BIL | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Operasi Roboh | 8 |

## BAHAGIAN PENTADBIRAN

Melaksanakan hal ehwal pengurusan organisasi supaya selari dengan peraturan dan dasar semasa.

- Melaksanakan hal ehwal cuti kakitangan.
- Melaksanakan hal ehwal rekod kehadiran kakitangan.
- Melaksanakan hal ehwal mesyuarat Jabatan Bangunan.
- Melaksanakan hal ehwal pengurusan fail Jabatan Bangunan.
- Melaksanakan hal ehwal surat-surat Jabatan Bangunan.
- Melaksanakan hal ehwal pengurusan pentadbiran Jabatan Bangunan.

1. Membantu pengurusan bilik fail Jabatan.
2. Membantu penyediaan kertas mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat.
3. Membantu melancarkan pengurusan kaunter Jabatan Bangunan.
4. Membantu melaksanakan proses permohonan di Jabatan Bangunan.







MASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL



# JABATAN
# PENGUATKUASA DAN KESELAMATAN

# JABATAN PENGUATKUASA DAN KESELAMATAN

Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan diketuai oleh Pn. Norhayati binti Ahmad dan jumlah keseluruhan staf di jabatan adalah seramai 158 orang termasuk 138 orang pegawai dan anggota penguatkuasa, 09 orang pengawal keselamatan, dan 11 orang di bahagian pentadbiran termasuk pemandu awam.

## FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

- Menjalankan tindakan penguatkuasaan dengan menggunapakai undang-undang kecil, akta dan enakmen yang telah diwartakan.
- Menyelesaikan aduan-aduan awam yang berkaitan dengan kadar segera.
- Menjaga keselamatan harta benda MPS.
- Memastikan orang awam yang berurusan dengan MPS mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Membantu agensi-agensi penyelamat untuk tugas-tugas ad-hock yang berhubung kait dengan kecemasan seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan lain-lain.

## PENCAPAIAN / PRESTASI FUNGSI UTAMA JABATAN

1. Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK)

7,638 NPK telah dikeluarkan ke atas pelbagai kesalahan

2. Tindakan Tunda

| SITAAN KENDERAAN | JUMLAH |
|---|---|
| Kenderaan Awam | 724 |
| Kenderaan Buruk | 619 |
| **JUMLAH** | **1343** |
| **HASIL PELUPUSAN KENDERAAN BURUK - RM 136,340.00 (332 BUAH)** | |



**Pengarah Jabatan**
Puan Norhayati binti Ahmad

**Timbalan Pengarah**
Tuan Abdul Razak bin Othman

**Ketua Kerani**
Puan Sarina binti Mat Yusof

**Bahagian / Unit**
Bhg. Pentadbiran
Bhg. Pengoperasian
Bhg. Penguatkuasaan

**Jumlah Kakitangan**
157 orang

Tingkat 1,
Bangunan Lama MPS
03-6126 6009







NASKAH DIGITAL

### 3. Operasi Bersepadu

Operasi Bersepadu telah dilaksanakan seperti operasi:

| BIL | OPERASI | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Operasi Bersepadu | 289 |
| 2 | Sampah | 93 |
| 3 | Banner/Iklan | 228 |
| 4 | Penjaja | 126 |
| 5 | Halangan | 121 |
| 6 | Pusat Siber / Rumah Urut | 50 |
| **JUMLAH** | | **907** |

### 4. Laporan Unit Kutipan Hasil

| BULAN | NPK DIBAWA (SKT: 600 NPK) | | | NPK DIBAYAR | |
|---|---|---|---|---|---|
| | (SASARAN SKT SEBULAN) | | PERATUS% | BIL NPK | RM |
| | BIL NPK | RM | 50 | | |
| Januari | 102 | 22,800 | 204 | 27 | 5,300 |
| Februari | 153 | 42,000 | 306 | 75 | 18,750 |
| Mac | 310 | 110,400 | 620 | 115 | 28,300 |
| April | 294 | 139,900 | 588 | 141 | 31,950 |
| Mei | 310 | 84,250 | 620 | 102 | 24,600 |
| Jun | 126 | 34,800 | 252 | 60 | 13,900 |
| Julai | 84 | 20,650 | 168 | 38 | 10,750 |
| Ogos | 61 | 20,100 | 122 | 21 | 5,750 |
| September | 159 | 48,200 | 318 | 48 | 12,600 |
| Oktober | 155 | 44,100 | 310 | 35 | 8,550 |
| November | 109 | 31,050 | 218 | 23 | 4,950 |
| Disember | 74 | 19,200 | 148 | 20 | 4,550 |
| **JUMLAH** | **1,937** | **617,450** | **3,874** | **705** | **169,950** |

NASKAH DIGITAL

## 5. Laporan Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Tempat Pembuangan Sampah Tanpa Kebenaran

| UUK PEMUNGUTAN ,PEMBUANGAN& PELUPUSAN SAMPAH | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **LOKASI TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH** | **KOMPAUN** | **SITAAN** |
| 1. | Lot 3205,Bukit Rahman Putra,Sg. Buloh | 03 | 03 |
| 2. | Lot 3554,3555,3556 Kg. Sg. Pusu,Gombak | 19 | 19 |
| 3. | Lot 46180,46181,Kg. Sg.Kertas,Selayang | 08 | 08 |
| 4. | Di tepi Bahu Jalan Kg. Wira Damai | 01 | 01 |
| 5. | Lot F141 Kg. Melayu Sri Kundang | 01 | 01 |
| 6. | Lot 2033 & 2034 Kg. Bt. 8 ½ Jalan Gombak | 07 | 07 |
| 7. | Lot 2583 & 2584 ,Bt. 8 Jalan Gombak | 04 | 04 |
| 8. | Lot 9587 Taman Desa Mas Saujana Rawang | 01 | 01 |
| 9. | Lot 17513 Jalan 5/3 ,Fasa 5 Tmn Sri Gombak | 02 | 02 |
| 10. | Di Tepi Anak Sg. Bakau,Kg. Sg. Bakau Rawang | 01 | 01 |
| 11. | Lot 2917 Lorong Beringin ,Kuang | 02 | 02 |
| 12. | Lot 15280 Saujana Rawang | 01 | 01 |
| 13. | Lot 2028 Bt. 8 ½ Jalan Gombak | 01 | 01 |
| 14. | Lot 71 KM 21 Bt. 13 ½ Jalan Kusta Kg. Melayu Sg. Buloh | 02 | 02 |
| 15. | Lot 4360 Jalan Bersebelahan Tol Kundang Barat Tmn. Rahmat Jaya | 01 | 01 |
| 16. | Lot 3494 Bersebelahan Stesen Petronas MRR2 | 01 | 01 |
| 17. | Lot 5096 & 5097 ,Kg. Sg. Pusu,Gombak | 04 | 04 |
| 18. | Lot 71 KM 51 Jalan Kusta Kg. Melayu Sg. Buloh | 01 | 01 |
| 19. | Lot 46244, Jalan Sg. Tua Ulu Yam | 01 | 01 |
| 20. | Lot 3472 Kg. Sg. Pusu Gombak | 01 | 01 |
| 21. | Lot 38127 Jalan Kg. Melayu Batu 13,Kg. Melayu Sungai Buloh | 02 | 02 |
| **JUMLAH** | | **64** | **64** |







NASKAH DIGITAL

6. Lain-lain Perkhidmatan

1. Tugasan Pengiring Menteri Besar Selangor
2. Majlis Dialog Bersama Penduduk, JKP
3. Kawalan Perayaan Thaipusam
4. Lawatan Turun Padang Bersama Exco, Ahli Majlis, JKP, YDP, Jabatan Dalaman MPS
5. Tugasan Kawalan & Pemantauan
    - Kawalan Lalulintas & Trafik
    - Kawalan Sampah Haram
    - Kawalan Pasar Borong Selayang

6. Bantuan Anggota Untuk Aktiviti Kemasyarakatan
    - Bantuan Kawalan Aktiviti Sekolah
    - Bantuan Tugasan Ahli Majlis, JKP, Jabatan Dalaman MPS
    - Bantuan Agensi Kerajaan – Polis, Rela, AADK, Imigresan
    - Kawalan Bola Sepak di Stadium MPS
    - Kawalan Perayaaan Thaipusam, Tahun Baru Cina, Hari Raya

7. Program Gotong-Royong
    - Jabatan Penguatkuasa
    - Ahli Majlis, Exco, JKP
    - Dalaman MPS - Program Gotong - Royong Jabatan

8. Perbarisan
    - Perbarisan & Kawad Merdeka di Dataran Shah Alam
    - Sambutan Hari Penguatkuasa Ke-37 Jabatan Penguatkuasa Dan Keselamatan

9. Lain-lain tugasan yang diarahkan pegawai atasan dari semasa ke semasa

KAH DIGITAL



NASKAH DIGITAL



# JABATAN
# PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN

# JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti mengurus dan mengawal selia kerja-kerja perkhidmatan bandar seperti pemungutan dan pelupusan sisa pepejal, sampah pukal, pembersihan longkang, penyapuan jalan dan pemotongan rumput. Selain itu, memproses dan memberi ulasan pelan bangunan bagi rumah dan kebuk sampah, surat sokongan dan sijil layak menduduki, melaksanakan tugas-tugas kawalan serta pencegahan vektor dan lain-lain penyakit berjangkit yang berkaitan, menyelaras aktiviti kawalan alam sekitar dalam bentuk penguatkuasaan dan kempen-kempen kesedaran awam. Jabatan ini diketuai oleh Encik Affendei bin Samingan sebagai pengarah jabatan dan dibantu oleh seramai 145 orang kakitangan.



- **Pengarah Jabatan**
  Encik Affendei Bin Samingan
- **Timbalan Pengarah**
  Encik Zariman Bin Ibrahim
- **Ketua Kerani**
  Puan Azura Binti Abu Bakar
- **Bahagian / Unit**
  Bhg. Perkhidmatan
  Perbandaran & Alam Sekitar
  Bahagian Kesihatan Awam
- **Jumlah Kakitangan**
  145 orang

Tingkat 2,
Bangunan Lama MPS
03-6126 6010

## FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Mengurus dan mengawal selia kerja-kerja perkhidmatan bandar seperti pemungutan dan pelupusan sisa pepejal, sampah pukal, pembersihan longkang, penyapuan jalan dan pemotongan rumput.
- Memproses dan memberi ulasan pelan bangunan bagi rumah dan kebuk sampah, surat sokongan dan sijil layak menduduki.
- Melaksanakan tugas-tugas kawalan serta pencegahan vektor dan lain-lain penyakit berjangkit yang berkaitan.
- Menyelaras aktiviti kawalan alam sekitar dalam bentuk penguatkuasaan dan kempen-kempen kesedaran awam.
- Menyelaraskan permohonan permit papan iklan bagi pemutihan & permohonan baru.

## UNIT KAWAL SELIA

<table>
<tr><th>KETERANGAN</th><th colspan="2">JUMLAH</th></tr>
<tr><td rowspan="4">Jumlah sampah yang dihantar ke tapak pelupusan</td><td>LOKASI</td><td>JUMLAH (TAN)</td></tr>
<tr><td>Worldwide</td><td>85,607.85</td></tr>
<tr><td>Bukit Tagar</td><td>140,614.74</td></tr>
<tr><td colspan="2">JUMLAH : 226,222.59 Tan</td></tr>
<tr><td>Bilangan NTP Dikeluarkan Kepada Kontraktor</td><td colspan="2">2158 NTP</td></tr>
<tr><td>Pembersihan Moonson Drain</td><td colspan="2">50 lokasi</td></tr>
<tr><td>Menyediakan Laporan Prestasi Kontraktor</td><td colspan="2">33 Laporan</td></tr>
<tr><td>Bekalan :-<br>Bekalan Tong Sampah ( Leach Bin )<br>• Program Gotong Royong</td><td colspan="2">46 unit</td></tr>
<tr><td>Operasi Penguatkuasaan / Penutupan Premis</td><td colspan="2">56 operasi</td></tr>
<tr><td>Jumlah tindakan pembersihan tempat pembuangan sampah haram / longgok</td><td colspan="2">13 lokasi</td></tr>
</table>

NASKAH DIGITAL

## UNIT KAWALAN ALAM SEKITAR

| PERKARA / ULASAN | PENCAPAIAN (KUANTITI) |
|---|---|
| Kutipan Barangan Kitar Semula (Peringkat MPS) | 123.9 Tan |
| Notis Rumah / Lot Terbiar | 462 Notis |
| Pembersihan Lot / Rumah Terbiar | 325 Kali |
| Jumlah Program Dan Kempen Alam Sekitar | 11 Program |

## AKTIVITI KAWALAN VEKTOR DAN KES PENYAKIT DEMAM DENGGI

| PERKARA / ULASAN | JUMLAH |
|---|---|
| Bilangan Kes Yang Dilaporkan | 8585 |
| Tindakan Kawalan yang dijalankan<br>• Premis disembur menggunakan ULV & Thermal<br>• Jumlah premis yang diperiksa<br>• Jumlah premis positif pembiakan<br>• Jumlah bekas positif pembiakan<br>• Penutupan premis dibawh Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975<br>• Jumlah kompaun (APSPP 1975) | <br>27237<br>11400<br>108<br>176<br>11<br>108 |
| Aktiviti Promosi Kesihatan<br>• Taklimat Denggi ( Sekolah )<br>• Gotong Royong Cegah Denggi<br>• Suntikan TY2 kepada pengendali makanan | <br>40<br>32<br>0 |

## AKTIVITI KAWALAN HAIWAN LIAR DAN LILATI

| PERKARA / ULASAN | JUMLAH |
|---|---|
| Tangkapan anjing liar | 1196 ekor |
| Kompaun yang dikeluarkan | 60 |
| Pelupusan anjing yang telah dilaksanakan | 916 ekor |
| Anjing liar yang dituntut oleh penduduk dan dilesenkan untuk dipelihara secara sah | 30 ekor |
| Operasi tangkapan lain-lain haiwan :<br>• Lembu dan Kambing<br>• Lain-lain haiwan ( kucing, ayam, arnab) | <br>3 – Bilangan operasi<br>25 – Bilangan operasi |
| Operasi kawalan tikus<br>• Racun / umpan | 285 |






NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL

# JABATAN **LANDSKAP**

# JABATAN LANDSKAP

Jabatan Landskap MPS bertanggungjawab mengendalikan penjagaan landskap dan taman rekreasi untuk menjadi salah satu fokus utama MPS dalam memastikan taman-taman awam dan tanaman di sekitar kawasan pentadbirannya terjaga dan terpelihara. Jabatan Landskap diketuai oleh Tuan LAr. Mokhtar Affandi bin Abdul Ghani dengan seramai 74 orang staf di bawah beliau.

## FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Landskap MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Memproses permohonan kelulusan pelan landskap, permohonan sokongan CF, CCC dan pengambilalihan kawasan landskap.
- Mengawal pembangunan landskap yang dilaksanakan oleh pemaju selaras dengan dasar dan garis panduan Jabatan Landskap Negara, garis panduan landskap MPS dan lain-lain yang berkaitan.
- Mengawal dan mengurus selia kerja-kerja penyelenggaraan landskap menepati piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis.
- Memastikan projek-projek pembangunan landskap yang dibangunkan menepati garis panduan piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan oleh MPS.
- Mengurus dan menyelesaikan aduan-aduan awam.
- Menguatkuasakan undang-undang berkaitan kesalahan-kesalahan yang melibatkan Akta 172, Undang-Undang Kecil Taman dan lain-lain undang-undang yang berkaitan.
- Mengurus tadbir produk dan kawasan-kawasan pelancongan dalam pentadbiran MPS.

## PELAKSANAAN PROJEK LANDKSAP 2019

Penjagaan Landskap dan Taman Rekreasi menjadi salah satu fokus utama Majlis dalam memastikan taman-taman awam dan tanaman di sekitar kawasan pentadbirannya terjaga dan terpelihara.Ia turut memperkasakan konsep pembangunan *'Gaya Hidup Sihat Menjana Kesejahteraan Sosial'*. Oleh itu, setiap pembangunan yang dirancang sentiasa mementingkan keperluan dan kemudahan awam khususnya ke arah pembangunan mental dan fizikal dengan pelaksanaan projek landskap seperti berikut:

### Projek Pelancongan

| SUMBER PERUNTUKAN | NAMA PROJEK | LOKASI |
|---|---|---|
| PERUNTUKAN UPEN | Gua Damai International BASE Jump 2019 | Taman Ekstrem Gua Damai |
| | Ultra Direction – The signature Cross Country Ultra Series 2019 | Pekan Batu Arang. |
| KERJASAMA | Bulan Sukan Negara Peringkat Daerah Gombak 2019 | Taman Ekstrem Gua Damai |



▶ **Pengarah Jabatan**
Tuan LAr. Mokhtar Affandi bin Abd Ghani

▶ **Timbalan Pengarah**
Tuan LAr. Syamsul Arif bin Mahmud

▶ **Ketua Kerani**
Puan Nor Azila binti Mahamad Alias

▶ **Bahagian / Unit**
Bhg. Pembangunan Dan Unit Nurseri
Bhg. Kawalan Pembangunan, Penyelenggaraan Dan Pengurusan Aduan

▶ **Jumlah Kakitangan**
74 orang

Tingkat 2,
Bangunan Lama MPS
03-6126 6014

NASKAH DIGITAL

## Projek Pembangunan Landskap

| SUMBER PERUNTUKAN | NAMA PROJEK | LOKASI |
|---|---|---|
| MPS | Projek menaiktaraf dan membaik pulih gelanggang badminton/sepak takraw | Jalan Matang Jaya 7, Taman Matang Jaya, Sg. Buloh, Selangor Darul Ehsan. |
| | Projek menaiktaraf dan membaik pulih gelanggang badminton/sepak takraw | Jalan Matang Jaya 11, Taman Matang Jaya, Sg. Buloh, Selangor Darul Ehsan. |
| | Projek kerja-kerja membina gelanggang badminton/sepak takraw | Jalan SP 9, Taman Sri Putra, Sg. Buloh, Selangor Darul Ehsan. |
| | Cadangan kerja-kerja membaikpulih kawasan lapang | Jalan BRP 7/2, Bukit Rahman Putra, Selangor Darul Ehsan. |
| KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) | Cadangan kerja-kerja membaik pulih padang bola | Taman Daya,Kepong, Selangor Darul Ehsan |
| KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) - BP 1 | Cadangan kerja-kerja membaik pulih padang bola | Taman Daya, Kepong, Selangor Darul Ehsan. |
| | Cadangan kerja-kerja menaik taraf guard rail penghadang keselamatan | Jalan Desa Ria, Rawang, Selangor Darul Ehsan. |

## Nurseri - Taman Rimba Bukit Lagong

| | BIL | NAMA PROJEK | JENIS POKOK | JUMLAH | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|
| Program Penghijauan MPS (Sumbangan Anak Pokok / Tanam Pokok Out-source) | 1. | Pembekalan Pokok Utama kepada Kontraktor Freezee Enterprise untuk pengindahan landskap di kawasan Greenwood Gombak. | 1. Merawan Siput Jantan / *Hopea Odorata*<br>2. BungaTanjung/ *mimusopselengi*<br>3. Indian rosewood /*Dalbergiasisso* | 8 nos<br>27 nos<br>15 nos | 17/2/2019 |
| | 2. | Sumbangan anak pokok kepada Sekolah Kebangsaan Bukit Rawang Jaya. | 1. Siantan Merah / *Ixora (RED)*<br>2. Mexican Petunia / *Ruelliabrittoniana*<br>3. Golden Puding / *Pseuderanthumspp* | 20 nos<br>30 nos<br>30 nos | 11/3/2019 |
| | 3. | Sumbangan anak pokok kepada Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Puteri. | 1. Mexican Petunia/ *Ruelliabrittoniana*<br>2. Siantan *(Orange) / Ixora* | 30 nos<br>20 nos | 22/2/2019 |
| | 4. | Sumbangan anak pokok kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pusu | 1. Siantan Pink */ Ixora pink*<br>2. Golden Dewdrop / *Durantha Gold*<br>3. Grosse Licuala Palm / *LicualaGrandis*<br>4. Cordyline */ CordylineFruticoca "Miniature* | 70 nos<br>70 nos<br>70 nos<br>70 nos | 9/4/2019 |
| | 5. | Sumbangan anak pokok kepada Sekolak Kebangsaan Kuang | 1. SiantanMerah / *Ixora (RED)* | 100 nos | 19/4/2019 |
| | 6. | Sumbangan anak pokok kepada Balai Bomba Selayang, Bandar Baru Selayang. | 1. Mexican petunia / *RuelliaBrittoniana*<br>2. Golden Dewdrop */ Durantha Gold*<br>3. Buddhist Pine / *Podocarpus* | 50 nos<br>30 nos<br>10 nos | 16/7/2019 |
| | 7. | Sumbangan anak pokok kepada Penduduk Di Padang Awam Taman Jasa Utama. | 1. Mexican petunia / *Reulliabrittoniana*<br>2. KelatPaya / *Eugenia Oleina*<br>3. White Butter Cup / *Turnerasubulata*<br>4. Palm / *Foxtail Palm*<br>5. Lidah Naga / *Phyllodiumlongipes* | 50 nos<br>50 nos<br>50 nos<br>4 nos<br>5 nos | 5/8/2019 |
| | 8. | Sumbangan anak pokok kepada Masjid Lama Batu 6, Jalan Gombak. | 1. Mexican petunia / *Reulliabrittoniana*<br>2. Golden Dewdrop / *Durantha Gold*<br>3. White Buttercup / *Turnerasubulata* | 50 nos<br>50 nos<br>50 nos | 15/8/2019 |

NASKAH DIGITAL

| | BIL | NAMA PROJEK | JENIS POKOK | JUMLAH | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|
| Program Penghijauan MPS (Sumbangan Anak Pokok / Tanam Pokok *Out-source*) | 9. | Sumbangan anak pokok kepada Sek.Men. Kebangsaan Seri Kundang. | 1. Mexican petunia(Putih) / *RuelliaBrittoniana*<br>2. BungaKertas / *Boiugainvilla*<br>3. Spider lilly / *Hymenocallis* | 100 nos<br>50 nos<br>50 nos | 15/8/2019 |
| | 10. | Sumbangan anak pokok kepada Sekolah Kebangsaan Selayang Utama. | 1. Mexican petunia(purple) / *RuelliaBrittoniana*<br>2. Golden Dewdrop / *Durantha Gold*<br>3. Spider lilly / *Hymenocallis*<br>4. Bunga Raya / *Hibiscus Rosa* | 200 nos<br>50 nos<br>50 nos<br>20 nos | 22/8/2019 |
| | 11. | Sumbangan anak pokok kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Batu Arang. | 1. Mexican petunia(putih) / *RuelliaBrittoniana*<br>2. Indian Laurel Fig / *FicusNitilda Gold*<br>3. Spider lilly / *Hymenocallis* | 100 nos<br>50 nos<br>50 nos | 23/8/2019 |
| | 12. | Sumbangan anak pokok kepada Sekolah Kebangsaan Bandar TasikPuteri, Rawang. | 1. Mexican petunia(purple) / *RuelliaBrittoniana*<br>2. KelatPaya / *Eugenia Oleina* | 50 nos<br>50 nos | 10/9/2019 |
| | 13. | Sumbangan anak pokok kepada Komuniti Kampung Melayu Pekan Rawang. | 1. Mexican petunia (Purple) / *RuelliaBrittoniana*<br>2. BungaKertas / *Boiugainvilla*<br>2. Foxtail palm / *wodyeatiabifurcata* | 30 nos<br>20 nos<br>10 nos | 28/9/2019 |
| | 14. | Kerja-Kerja Penghijauan (Pokok Utama) Di Jalan PS 4, Taman Prima Selayang Untuk Majlis Perbandaran Selayang yang dibuat oleh syarikat NS SEPAKAT ENTERPRISE. | 1. Pokok Salam / *Syzygiumpolyanthum* | 40 nos | 3/10/2019 |
| | 15. | Kerja-Kerja Penghijauan (Pokok Utama) Bagi Lokasi Sampah Longgok Dan Haram Di Kawasan Parkir Rawang, Kawasan Perindustrian Kundang, Lebuh Utama Sri Gombak Dan Taman Mawar Rawang Untuk Majlis PerbandaranSelayang yang dibuat oleh syarikat WINAS ENTERPRISE. | 1.Merawan Siput Jantan / *Hopea Odorata* | 30 nos | 3/10/2019 |
| | 16. | Kerja- Kerja Penghijauan (Pokok Utama) Di Jalan Samudera Selatan 10, Taman Selaseh Fasa 2 Untuk Majlis Perbandaran Selayang yang dibuat oleh syarikat ARZ PERFORMANCE SERVICES. | 1. Pokok Penaga Lilin / *Mesuaferra* | 70 nos | 3/10/2019 |
| | 17. | Sumbangan anak pokok kepada Perpustakaan Daerah Gombak. | 1. Parrots beak / *Helicornianickeriensis* | 50 nos | 3/10/2019 |
| | 18. | Sumbangan anak pokok kepadaSekolahJenis Kebangsaan( C) Selayang Baru. | 1. Bungakertas / *Boiugainvilla*<br>2. White Buttercup / *Turnerasubulata*<br>3. Mexican Petunia (Putih) / *RuelliaBrittoniana* | 50 nos<br>50 nos<br>100 nos | 5/11/2019 |
| | 19. | Sumbangan anak pokok kepada Sekolah Agama Rendah KAFA AN-NASIHIN kampung Sungai Kertas, Batu Caves. | 1. Bunga kertas / *Boiugainvilla*<br>2. White Buttercup / *Turnerasubulata*<br>3. Mexican Petunia (Putih) / *RuelliaBrittoniana* | 50 nos<br>50 nos<br>100 nos | 13/11/2019 |
| | 20. | Sumbangan anak pokok kepada Ahli Majlis di kawasan Taman New Green Park Rawang. | 1. Merawan Siput Jantan / *HopeaOdorata* | 6 nos | 20/12/2019 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Program Penghijauan MPS | 1. | Penanaman pokok-pokok Renek di sekitar Pentadbiran MPS | 1.Indian Laurel Fig/ *Ficusnitilda Gold* | 400 nos | 17/1/2019 |
| | 2. | Penanaman Pokok Utama Secara In-House Di Tepi Jalan Bersebelahan Sekolah Al-Furqan BBS | 1.Bunga Tanjung / *mimusopselengi* | 7 nos | 18/2/2019 |
| | 3. | Penanaman Pokok Utama Secara In-House bersebelahan Tesco Rawang. | 1. Merawan Siput Jantan / *HopeaOdorata* | 15 nos | 19/2/2019 |

NASKAH DIGITAL

| | BIL | NAMA PROJEK | JENIS POKOK | JUMLAH | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|
| Program Penghijauan MPS | 4. | Penanaman Pokok Renek Secara In-House Di Sg. Tua, Batu Caves. | 1. Kelat Paya / *Eugenia Oleina.*<br>2. Mexican Petunia / *RuelliaBrittoniana.* | 250 nos<br>250 nos | 23/2/2019 |
| | 5. | Penanaman Pokok Renek Secara In-House Di Tepi Jalan Bersebelahan Rumah Amal Cheshire Selangor. | 1. Siantan Merah / *ixora (RED)* | 30 nos | 4/3/2019 |
| | 6. | Penanaman Pokok Renek Secara In-House Di Tepi Jalan lebuh Utama Sri Gombak. | 1. Kelat Paya/ *Eugenia Oleina* | 300 nos | 15/3/2019 |
| | 7. | Penanaman Pokok Renek Secara In-House Di Tepi Jalan Taman Bidara. | 1. Mexican Petunia/ *Ruelliabrittoniana* | 150 nos | 15/4/2019 |
| | 8. | Penanaman Pokok Utama Secara In-House Di Jalan RP3, Rawang Industrial Estate. | 1. Merawan Siput Jantan / *Hopea Odorata* | 3 nos | 16/4/2019 |
| | 9. | Penanaman pokok Secara In-House Di Sek. Keb. Bandar Baru Selayang (2). | 1. Kelat Paya / *Eugenia Oleina*<br>2. Spider Lilly / *Hymenocallis* | 300 nos<br>150 nos | 18/6/2019 |
| | 10. | Penanaman pokok Secara In-House Di Kawasan Pentadbiran MPS. | 1. Kelat Paya / *Eugenia Oleina*<br>2. Golden Dewdrop / *Durantha Gold* | 100 nos<br>100 nos | 30/7/2019 |
| | 11. | Penanaman Pokok Renek Secara In-House Di Kawasan Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. | 1. Kelat Paya / *EugeneaOleina*<br>2. Golden Dewdrop / *Durantha Gold*<br>3. Indian Laurel Fiq / *FicusNitilda Gold*<br>4. Spider lilly / *Hymenocallis*<br>5. Parrots beak / *Helicornianickeriensis* | 100 nos<br>150 nos<br>150 nos<br>40 nos<br>55 nos | 30/8/2019 |
| | 12. | Penanaman Pokok Renek Secara In-House Di Kawasan Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. | 1. Indian Laurel Fiq / *FicusNitilda Gold* | 500 nos | 14/11/2019 |
| | 13. | Penanaman Pokok Utama Secara In-House Di Greenwood Gombak. | 1. Merawan Siput Jantan / *HopeaOdorata* | 6 nos | 18/12/2019 |
| | 14. | Penanaman Pokok Utama Secara In-House Di Operasi perobohanTapak Gerai Haram Di Pangsapuri Taman Setia Rawang. | 1. Merawan Siput Jantan / *HopeaOdorata* | 20 nos | 24/12/2019 |
| | | | **JUMLAH** | **5,511 nos** | |

| | |
|---|---|
| **Prosedur Pengurusan Stok Tanaman Di Nurseri (ISO/MPS/JL/03)**<br>Perlu menyediakan semaian pokok sebanyak :<br>1. 350 nos/ Sebulan<br>2. 4200 nos/ Setahun | **Jumlah terkumpul sehingga Dis 2019 : 6,434** |

Kempen Tanam Pokok yang telah disarankan oleh Kerajaan Negeri Selangor juga sentiasa dilaksanakan. Pencapaian adalah sebanyak 280,479 pokok lebih daripada jumlah yang ditetapkan sebanyak 60,000 dan pecahannya adalah seperti berikut:

| BIL | NAMA PROJEK | LOKASI |
|---|---|---|
| 1. | Pokok Utama | 8015 |
| 2. | Pokok Bunga Raya | 9540 |
| 3. | Pokok Bunga Rasmi (Siantan) dan pokok lain-lain | 262,924 |

Pihak jabatan juga sentiasa memastikan pokok-pokok ameniti diselenggara secara berterusan untuk mengelakkan sebarang bahaya keatas orang ramai selain untuk memastikan persekitaran perbandaran sentiasa bersih dan indah. Oleh yang demikian, jabatan telah melaksanakan pemangkasan pokok-pokok tersebut termasuk menebang pokok merbahaya/ mati dengan jumlah sebanyak 5320 yang telah dilaksanakan secara *'in-house'* dan *'out-source'.* Jabatan juga berjaya menyelesaikan dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan awam yang diterima di sepanjang tahun 2019 berjumlah 2140 aduan.

NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL



# JABATAN **PELESENAN**

NASKAH DIGITAL

# JABATAN PELESENAN

Jabatan Pelesenan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti mengurus permohonan lesen premis/ penjaja dan permit sementara, mengurus pembaharuan lesen dan penguatkuasaan undang-undang kecil pelesenan. Jabatan ini dipimpin oleh En. Hairudin Bin Daud sebagai pengarah jabatan dan dibantu seramai 54 orang kakitangan dibawah beliau.



- **Pengarah Jabatan**
  Encik Hairudin bin Daud
- **Timbalan Pengarah**
  Encik Ahmad Faisal bin Badiuzaman
- **Ketua Kerani**
  Puan Rozita binti Harun
- **Bahagian / Unit**
  Bhg. Lesen Premis & Iklan
  Bhg. Pengurusan Penjaja
  Unit Dasar & Pematuhan Lesen
- **Jumlah Kakitangan**
  54 orang

Sayap A, Tingkat 2
Menara MPS
03-6126 5934

## FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Pelesenan MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-

- Menguruskan Permohonan Lesen Premis/ Penjaja Permit Sementara.
- Mengurus Pembaharuan Lesen.
- Penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Pelesenan.
- Kerja-Kerja Kawalan dan Pemantauan Premis Makanan.

## PIAGAM PELANGGAN

- Memastikan keputusan permohonan lesen premis perniagaan dan iklan (serta-merta) dibuat dalam tempoh satu (1) jam selepas bayaran fi lesen dijelaskan.
- Memastikan keputusan permohonan lesen premis perniagaan dan iklan (teknikal) dibuat dalam tempoh 30 hari bekerja.
- Memastikan keputusan permohonan lesen visual billboard dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja.
- Memastikan permohonan lesen kritikal / risiko dibawa untuk mendapatkan pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan dalam tempoh 60 hari bekerja.
- Memastikan keputusan permohonan permit sementara gegantung dan kain rentang (hadapan premis) dibuat dalam tempoh 2 jam.
- Memastikan aduan terima mendapat maklumbalas dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.







NASKAH DIGITAL




| | JAN | FEB | MAC | APRIL | MEI | JUN | JUL | OGS | SEP | OKT | NOV | DIS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| HASIL KUTIPAN | 32,384.26 | 21,465.22 | 20,286.44 | 39,000.96 | 35,726.18 | 30,750.78 | 30,036.57 | 60,614.04 | 18,578.76 | 24,618.48 | 28,431.46 | 26,448.34 |
| BILANGAN AKAUN | 155 | 111 | 108 | 186 | 156 | 102 | 135 | 200 | 96 | 108 | 124 | 153 |




| | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| HASIL KUTIPAN | 1,098,506.80 | 23,833.00 | 277,555.00 | 196,990.00 | 261,100.00 | 1,248,587.00 | 331,410.00 | 234,486.00 | 311,246.00 | 1,335,045.00 | 2,156,841.00 | 6,543,133.00 |

| BIL | PROGRAM |
|---|---|
| 1. | Program Bazar Mampan - Pengagihan straw guna semula dan bekas plastik bagi menggantikan penggunaan plastik di bazar-bazar ramadan yang terlibat. |
| 2. | Hebahan melalui notis kepada peniaga-peniaga bazar mengenai pengurangan penggunaan polisterin, beg plastik dan straw plastik. |
| 3. | Membuat hebahan pemakluman melalui bil lesen yang mana pemegang lesen perlu mematuhi keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2016 seperti berikut :<br>Pelaksanaan pengurangan penggunaan beg plastik dan polisterina dilaksanakan setiap hari bermula Januari 2017.<br>Semua jenis perniagaan di Negeri Selangor tidak lagi dibenarkan untuk menyediakan beg plastik secara percuma.<br>Menghentikan penggunaan bekas makanan dan peralatan polisterina di semua premis termasuk premis makanan dan pasar malam. |
| 4. | Taklimat Penjaja Perayaan Thaipusam pada 17 Januari 2019 |
| 5. | Program Pembangunan Usahawan India Di Negeri Selangor 2019 diadakan pada 29 September 2019. Tujuan program tersebut diadakan adalah untuk membangunkan golongan masyarakat india melalui latihan keusahawanan dalam pelbagai bidang. Program ini dilaksanakan di setiap PBT di Negeri Selangor bermula 14 September 2019 sehingga 29 September 2019. |
| 6. | Karnival Alam Sekitar dan Kepenggunaan – Penyerahan beg biodegradasi dan penyedut minuman keluli bagi menggantikan penggunaan beg plastik dan penyedut minuman plastik. |
| 7. | Program *Smart Truck* sempena Hari Inovasi dan Integriti MPS 2019 pada 9 -10 Disember 2019. |
| 8. | Program *Food Truck* Belia Selayang 2019 pada 14 Disember 2019. |

NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL



# JABATAN **PERANCANG BANDAR**

NASKAH DIGITAL

# JABATAN PERANCANG BANDAR

Jabatan Perancang Bandar MPS bertanggungjawab di dalam mengawal dan merancang pembangunan merujuk kepada Akta 172, Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035, Rancangan Tempatan MPS 2020, Rancangan Kawasan Khas serta mengikut dasar-dasar / pekeliling – pekeliling kerajaan serta garis panduan yang terpakai di dalam memastikan pembangunan bandar mampan, progresif dan sejahtera.

## FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Perancang Bandar MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :

- Memproses dan memastikan setiap permohonan kebenaran merancang mengikut Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (A172) selaras dengan piawaian dan garispanduan serta mematuhi dasar dan polisi semasa
- Menyelaras dan mengawal pembangunan pangkalan data sistem maklumat geografi bagi MPS dengan memperincikan setiap lapisan data seperti gunatanah, pengangkutan, alam sekitar, kemudahan dan sebagainya merujuk kepada pangkalan data MPS GIS.
- Menyelaraskan dan memantau Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Seranta dan Bantahan Awam dalam Penyediaan Rancangan Pemajuan di bawah Pentadbiran Majlis seperti Rancangan Tempatan MPS dan Kajian Pelan-pelan Pembangunan di Kawasan MPS.
- Pelaksanaan pelan tindakan program Agenda LA 21.
- Menguruskan Program Bandar Selamat/ Pemutihan Kawasan *Blackspot*
- Menyelaras projek pengangkutan awam
- Menyedia, mengurus dan menyelaras program dan aktiviti yang berkaitan pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU)
- Menyedia dan menyelaras cadangan perancangan pengindahan dan pencahayaan lorong belakang/taman awam
- Menyelaras program dan aktiviti yang berkaitan kejiranan Hijau/Teknologi Hijau/ *Low Carbon City Framework* (LCCF)
- Menyelaras permohonan permit papan iklan bagi pemutihan & permohonan baru.







▶ **Pengarah Jabatan**
Puan Noriza binti Bahari

▶ **Timbalan Pengarah**
Encik Mohd. Aszzwir bin Mohd. Sabiruddin

▶ **Ketua Kerani**
Puan Ng Su Hong @ Kaliamah

▶ **Bahagian / Unit**
Bhg. Papan Iklan Luaran/ Kebenaran Merancang
Bhg. Penguatkuasaan/ Kebenaran
Unit Pentadbiran

▶ **Jumlah Kakitangan**
45 orang

Sayap A, Tingkat 5
Menara MPS
03-6126 5865

NASKAH DIGITAL

## UNIT KEBENARAN MERANCANG

Unit Kebenaran Merancang Jabatan Perancang Bandar bertanggungjawab dalam merancang dan mengawal pembangunan mengikut rancangan pemajuan, dasar-dasar dan garis panduan terpakai. Selain itu, memastikan permohonan dan ulasan-ulasan perancangan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

| BIL | JENIS PERMOHONAN | BILANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Permohonan kebenaran merancang (Pelan Pembangunan) | 16 |
| 2. | Permohonan Kebenaran Merancang (Pendirian Bangunan) | 26 |
| 3. | Permohonan Kebenaran Merancang (pindaan) | 32 |
| 4. | Permohonan Kebenaran Merancang (Tempoh Terhad) | 15 |
| 5. | Permohonan Kebenaran Merancang (Lanjutan KM) | 25 |
| 6. | Permohonan Kebenaran Merancang (Rayuan) | 21 |
| 7. | Pelan Kebenaran Merancang (Perubahan Matan Kegunaan Bangunan) (Hotel) | - |
| 8. | Permohonan Pelan Pra Hitungan | 37 |
| **JUMLAH** | | **172** |

### Ulasan Teknikal Tanah

| BIL | JENIS PERMOHONAN | BILANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Pemberimilikan dan pelupusan tanah kerajaan | 190 |
| 2. | Perizaban / pewartaan | 48 |
| 3. | Tukar syarat nyata tanah /mengubah kategori kegunaan tanah | 36 |
| 4. | Pecah sempadan | 2 |
| 5. | Pecah bahagian | 11 |
| 6. | Penyatuan tanah | 9 |
| 7. | Permohonan jalan keluar masuk atas tanah kerajaan | 11 |
| 8. | Permit bahan batuan | 15 |
| 9. | Lesen pendudukan sementara | 13 |
| 10. | Serah sebahagian tanah Seksyen 200 | 2 |
| 11. | Permohonan pajakan | 8 |
| **JUMLAH** | | **345** |

NASKAH DIGITAL

## UNIT PENGUATKUASAAN AKTA 172

Unit Penguatkuasaan Akta 172 Jabatan Perancang Bandar bertanggungjawab dalam melaksanakan penguatkuasaan khusus Di Bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan Kaedah-Kaedah Perancangan Am Negeri Selangor (2001) yang lebih efisyen dan bersistematik selaras dengan kehendak undang-undang yang ditetapkan bagi kawasan Majlis Perbandaran Selayang.

| PERKARA | PENCAPAIAN 2019 | CATATAN |
|---|---|---|
| Ulasan Pelbagai | 125 | Permit Bangunan (4)<br>Kabin / Pejabat (18)<br>Ulasan Lesen (9)<br>Kawasan lapang / Tanah Kerajaan (20)<br>Elektrik / Air (13)<br>Lain-lain (19)<br>Aduan Bertulis / Memo dalaman (42) |
| Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran | 141 | Bancian Desa Aman<br>Bancian Desa Minang / Taman Berlian<br>Lain-lain kilang yang bercanggah zon gunatanah (SURAT PEMBERITAHUAN) |
| Notis Merujuk Kepada Seksyen 27,28 Dan 29 Akta 172 | 77 | Rujuk Jadual 3.1 dan Gambar 3.1<br>Terdapat lot yang lebih daripada satu pemilik untuk satu lot tanah<br>Semua notis F, D, G, E & H |
| Aduan Stars- PBT MPS | 260 | |
| Permohonan Skim Komuniti Berpengawal | 25 | |
| Kertas Siasatan | 3 | Kerta siasatan bagi kes kerja tanah tanpa kelulusan |

### Jadual 3.1 - Tindakan Akta 172

| PERKARA | BILANGAN KES | MJKOSC 2019 | LAWATAN TAPAK / OPERASI BERSEPADU |
|---|---|---|---|
| Penguatkuasaan Akta 172<br>Kerja Tanah<br>Pemajuan Tanpa Kelulusan<br>Kilang Tanpa Kebenaran<br>Lain-lain (Serahan Notis Percanggahan Zon Gunatanah) | 77 | 58 | 9 |
| Sampah Haram | 2 | - | 2 |
| Kawasan Lapang | 8 | 3 | 5 |
| Rumah Ibadat Selain Islam (RIBI) | 24 | 6 (3 KES DIBAWA KE HESI) | 5 |
| Menghadiri Jemputan Operasi / Lawatan Tapak Bersepadu | - | - | 44 |
| **JUMLAH** | 106 | 70 | 132 |

NASKAH DIGITAL

Rajah 3.1





## UNIT RANCANGAN PEMAJUAN

### Penyediaan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang (Penggantian) 2030

Peruntukan Akta 172

Penyediaan Rancangan Tempatan Penggantian Disediakan Mengikut Peruntukan Seksyen 16 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172). Peruntukan Ini Juga Membolehkan Pengubahan, Pembatalan Dan Penggantian Ke Atas Rancangan Tempatan Sedia Ada.

Justifikasi Penyediaan

- Penyelarasan RSN 2035.
- Rangkuman 5 RTMPS (pengubahan 1-5).
- Pindaan terhadap kelas kegunaan tanah selaras dengan trend pembangunan semasa MPS.
- Keperluan pembangunan berorientasikan transit (TOD).
- Penetapan semula jajaran lebuhraya yang telah diluluskan dan dibina.
- Keperluan pindaan zon gunatanah merujuk kepada pelan kelulusan KM, tukar syarat, program kilang haram dan kajian ke atas permohonan pindaan zon gunatanah.

| TARIKH | PERKARA | CATATAN |
|---|---|---|
| 02.10.2019 | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Bagi Laporan Analisis & Strategi Pembangunan (LASP) |  |
| 23.10.2019 | Bengkel Pelaporan Laporan Analisis & Strategi Pembangunan (LASP) |  |

NASKAH DIGITAL

Jadual 4.1 - Proses Penyediaan DRTMPS (Pengantian) 2030




## UNIT PERMIT DAN BILLBOARD

Unit Permit Dan Billboard Jabatan Perancang Bandar bertanggungjawab dalam melaksana proses Permohonan Baru dan Pembaharuan Ulasan Tapak Dan Permit Sementara Papan Iklan Luaran, Papan Tunjuk Arah Dan Menara Telekomunikasi. Selain itu, memproses Permohonan Pemutihan, Pemantauan Dan Penguatkuasaan Permit Sementara Papan Iklan Luaran, Papan Tunjuk Arah Dan Menara Telekomunikasi.

Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Papan Iklan Luaran, Papan Tunjuk Arah dan Telco

Jadual 5.1 Permohonan Permit Papan Iklan

<table>
<tr><th>Memproses Permohonan Permit Papan Iklan</th><th colspan="2">Kuantiti</th></tr>
<tr><td>Pembaharuan Tempoh Permit</td><td>407</td><td rowspan="3">456</td></tr>
<tr><td>Permohonan Baru</td><td>10</td></tr>
<tr><td>Permohonan Pemutihan</td><td>39</td></tr>
</table>

NASKAH DIGITAL

Jadual 5.2 Permohonan Permit Papan Tunjuk Arah

| Memproses Permohonan Permit Papan Tunjuk Arah | Kuantiti | |
|---|---|---|
| **Pembaharuan Tempoh Permit** | **92** | **112** |
| **Permohonan Baru** | **20** | |

Jadual 5.3 Permohonan Menara Talian Telekomunikasi

| Memproses Permohonan Menara Talian Telekomunikasi | Kuantiti | |
|---|---|---|
| **Pembaharuan Tempoh Permit** | **27** | **40** |
| **Permohonan Baru** | **13** | |
| **Permohonan Pemutihan** | **-** | |

**Rajah 5.1**
Contoh kerja-kerja
penguatkuasaan
Permit & Billboard



## UNIT GIS

Unit GIS Jabatan Perancang Bandar bertindak sebagai penyelaras dan pengurus kepada data *spatial* dan *non-spatial* bagi seluruh kawasan Majlis bagi mewujudkan satu pangkalan data yang lengkap. Unit GIS juga menjadi penyelaras kepada proses pembangunan Sistem Geospatial Bersepadu MPS yang akan mengintegrasikan *data non- spatial* dan *data spatial* setiap Jabatan di dalam MPS. Unit GIS juga merupakan penyelaras kepada penyediaan pelan tindakan bandar pintar yang akan memacu pembangunan bandar pintar bagi mewujudkan persekitaran dan kehidupan yang berkualiti.






NASKAH DIGITAL

## 6.2 Projek Cerapan

Mencerap Data Lapangan menggunakan Dron

Kerja-kerja perkhidmatan mencerap Data Lapangan (*Aerial View*) dengan menggunakan Dron bertujuan untuk pembangunan semula kampong Tradisi Diatas Plot A Seluas 28.5 ekar dan Plot B seluas lebih kurang 62.29 ekar di Kampung Kerdas Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

## 6.3 Latihan/kursus/Lawatan

| Latihan dan Lawatan | Tarikh | Keterangan |
|---|---|---|
| Penggunaan Perisian Mapinfo | 9-10 Mei 2019 | Mendedahkan lagi penggunaan perisian mapinfo kepada pegawai. |
Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelaras terhadap semua keperluan perkakasan ICT, sistem aplikasi, sistem rangkaian komputer, keselamatan pangkalan data Majlis dan penyelenggaraan laman web Majlis. Jabatan ini diketuai oleh Encik Hasmawi bin Mat Junit sebagai Pengarah Jabatan dengan dibantu oleh 24 orang staf di bawah beliau.

## FUNGSI & TANGGUNGJAWAB

Jabatan Teknologi Maklumat MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :

- Merancang dan mengurus aktiviti perkomputeran majlis seperti keselamatan ICT, jaringan rangkaian dan pembekalan peralatan komputer majlis.
- Merancang, merekabentuk dan membangunkan sistem aplikasi untuk menyokong operasi majlis.
- Mengurus dan mentadbir dan pengoperasian pusat data.

## Aktiviti Sistem

Majlis Perbandaran Selayang telah menggunapakai sistem perkomputeraan sepenuhnya dalam melaksanakan tugas - tugas harian. Ini termasuklah daripada kerja-kerja menyimpan maklumat penilaian, pengeluaran bil taksiran, kutipan, belanjawan, pengurusan aset Majlis dan lain-lain lagi. Sistem-sistem yang digunapakai di MPS terbahagi kepada dua iaitu Sistem Integrasi Majlis dan Sistem Aplikasi Sokongan. Dalam JTM dalam usaha meningkatkan penyampaian saluran kepada orang awam, semakan dan bayaran secara atas talian boleh dilaksanakan oleh orang awam menerusi laman web Majlis.

## Keselamatan ICT

Bagi melindungi aset ICT Majlis, mengurangkan impak insiden keselamatan ICT dan menjamin kesinambungan perkhidmatan, JTM melaksanakan kawalan terhadap capaian rangkaian keluar dan masuk MPS serta pencerobohan ke atas server. Warga MPS juga diberi maklumat dan pendedahan isu-isu keselamatan ICT melalui taklimat Dasar Keselamatan ICT. Sehingga ke masa ini, tiada pencerobohan di tahap kritikal yang berlaku ke atas rangkaian Majlis. Selain itu, bagi menyokong keselamatan ICT Jabatan, pemasangan perisian anti virus juga telah dilakukan di semua komputer.

Majlis juga telah memperolehi pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) iaitu ISO 27001 : 2013 pada tahun 2019. Skop bagi ISMS MPS adalah Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Perkhidmatan Cukai Taksiran di Majlis Perbandaran Selayang.



**Pengarah Jabatan**
Encik Hasmawi bin Mat Junit

**Timbalan Pengarah**
Puan Zuriati binti Karia

**Ketua Kerani**
Puan Roslina binti Mazlan

**Bahagian / Unit**
Bhg. Pentadbiran, Sokongan & Keselamatan
Bhg. Aplikasi SIM & Latihan
Bhg. Teknikal & Pengurusan Aset

**Jumlah Kakitangan**
24 orang

Sayap B , Tingkat 1
Menara MPS
03-6126 5944

NASKAH DIGITAL

## STATUS PENYELESAIAN ADUAN ICT

JTM juga menerima dan menyelesaikan aduan-aduan berkaitan peralatan ICT dan aplikasi Majlis.  Berikut adalah jumlah penyelesaian aduan mengikut kategori.

| BIL | KATEGORI | JUMLAH ADUAN |
|---|---|---|
| 1 | Peralatan ICT dan Rangkaian | 558 |
| 2 | Aplikasi SIM | 611 |
| 3 | Aplikasi Sokongan | 232 |







Jabatan Teknologi Maklumat juga bertanggungjawab mengendalikan laman web MPS dengan memastikan keperluan-keperluan terbaru laman web MPS adalah dipenuhi. Untuk memastikan laman web MPS sentiasa dikemaskini dan berada di tahap terbaik, JTM melakukan proses pengemaskinian secara berkala dengan dibantu oleh Jabatan Korporat dari segi informasi yang perlu dimuatkan. JTM juga mengadakan bengkel kemaskini laman setiap tahun bersama Jabatan Korporat untuk membuat semakan dan melihat semula aspek-aspek yang boleh ditambah baik.








NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL



# JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

# JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPS bertanggungjawab mengendalikan 3 aktiviti utama iaitu mendaftar profil kawasan pemajuan, penubuhan JMB/panggilan JMB / panggilan mesyuarat pertama JMB dan pendaftaran serta perakuan JMB.



- **Pengarah Jabatan**
  Tuan Sr. Mohd Asraf bin Mat Yajid
- **Timbalan Pengarah**
  TIADA
- **Ketua Kerani**
  TIADA
- **Bahagian / Unit**
  TIADA
- **Jumlah Kakitangan**
  14 orang

Sayap B , Tingkat 2
Menara MPS
03-6126 5893

## Fungsi & Tanggungjawab

- Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPS bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut :-
- Mengurus dan mengawal selia penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) bagi pengurusan dan penyenggaraan harta bersama skim pemajuan berstrata.
- Menguatkuasakan peruntukan undang-undang Akta 663 dan Bahagian VI dan VII dalam Akta 318 dan Akta 757.
- Melapor status Badan Pengurusan dan skim pemajuan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) / Kerajaan Negeri dan agensi yang berkaitan.

Status Penubuhan JMB/MC Tahun 2019

| BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN (PETAK) | | | PIHAK PENGURUSAN | | | | | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| <10 (PETAK) | <10 (PETAK) | JUMLAH PETAK | PEMAJU | JMB | MC | EJEN | LAIN-LAIN | |
| 2 (16) | 649 (101,394) | 651 (101,410) | 22 | 116 | 57 | - | 49 | |

Seminar, Taklimat Dan Bengkel Kepada Badan Pengurusan (JMB/MC) Tahun 2019

| BIL | TAJUK | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1 | Bengkel Kehidupan Berstrata Sejahtera Siri 1/2019 | 26-28/04/2019 | Carlton Holiday Hotel & Suites Shah Alam |
| 2 | Bengkel Kehidupan Berstrata Sejahtera Siri 2/2019 | 20-22/09/2019 | Carlton Holiday Hotel & Suites Shah Alam |
| 3 | Bengkel Kehidupan Berstrata Sejahtera Siri 3/2019 | 6-8/12/2019 | Crystal Crown Harbour View, Port Klang |



NASKAH DIGITAL

## Program Daripada Kerajaan Negeri & Persekutuan Tahun 2019

| BIL. | PROGRAM BANTUAN KERAJAAN NEGERI |
|---|---|
| 1 | Skim Rebet air (SAFWA) |
| 2 | Skim Ceria |
| 3 | Anugerah SEROJA |
| 4 | K-Squad |
| 5 | Duplikasi Projek K-Inovsi<br>Pusat Kitar Strata<br>epayment<br>Dinding Lif Anti Vandalisme<br>Laman Hijau 2.0 |
| 6 | Pengurusan Rumah Selangorku |
| 7 | Pematuhan Laporan Pengurusan Kewangan |
| 8 | Insurans Seragam |
| 9 | Audit Seragam |
| **BIL** | **PROGRAM BANTUAN KERAJAAN NEGERI** |
| 1 | Program Tabung Penyenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) |

## Bengkel Kehidupan Strata Sejahtera Tahun 2019








NASKAH DIGITAL

Majlis Perasmian Pusat Kitar Strata & Gotong Royong Perdana Tahun 2019







Majlis Perasmian Pusat Kitar Strata Tahun 2019



Kejohanan Badminton Komuniti Strata Piala YDP MPS Tahun 2019






Mesyuarat Agung Tahunan/Mesyuarat Jawatankuasa Badan Pengurusan (JMB/MC) Tahun 2019







Lawatan Tapak Bantuan TPPM Tahun 2019



Pertandingan Boling Persahabatan Antara COB Di PBT Tahun 2019








# JABATAN
# PUSAT SETEMPAT (OSC)

NASKAH DIGITAL

# JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

## Fungsi dan Tanggungjawab

Tujuan Jabatan Pusat Setempat (OSC) ditubuhkan adalah untuk:

- Memperkemas dan mempercepatkan urusan pengeluaran permit pembinaan.
- Menggalakkan prosedur yang melibatkan interaksi dua (2) hala antara *"submitting person"* (SP) dan OSC.
- Menyeragamkan prosedur dan proses permohonan cadangan pemajuan dan pembangunan tanah selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Kanun Tanah Negara 1965 (KTN56).

## Jenis-Jenis Permohonan Pemajuan Yang Diterima Di Kaunter OSC MPS

Pada dasarnya, Jabatan Pusat Setempat (OSC) menerima dan mendaftar permohonan-permohonan yang lengkap untuk diproses bagi 2 kategori permohonan iaitu serentak dan berasingan. Bagi permohonan serentak terdapat 6 jenis permohonan manakala permohonan bersaingan terdapat 32 jenis permohonan. Di antara jenis-jenis permohonan serentak dan bersaingan yang diterima adalah seperti berikut:

Permohonan Serentak:

| BIL | PERKARA |
|---|---|
| 1 | Kebenaran Merancang, Kerja Tanah, Jalan Dan Perparitan dan Pelan Bangunan. |
| 2 | Kebenaran Merancang, Kerja Tanah dan Jalan Dan Perparitan. |
| 3 | Kerja Tanah, Jalan Dan Perparitan dan Pelan Bangunan. |
| 4 | Kebenaran Merancang dan Kerja Tanah. |
| 5 | Kerja Tanah dan Jalan Dan Perparitan. |
| 6 | Jalan Dan Perparitan dan Pelan Bangunan. |



**Pengarah Jabatan**
Tuan Shamsul Azlan bin Mohamad Anuar

**Timbalan Pengarah**
Puan Noryana binti Samsuddin

**Ketua Kerani**
TIADA

**Bahagian / Unit**
TIADA

**Jumlah Kakitangan**
15 orang

Sayap B , Tingkat 2
Menara MPS
03-6126 5927

NASKAH DIGITAL

Permohonan Berasingan:

Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Tukar Syarat / Pecah Sempadan Tanah (124A KTN)
Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Penyerahan dan Kurnia Semula Tanah (204D KTN)
Kebenaran Merancang dan Tukar Syarat / Pecah Sempadan (124A KTN) atau Penyerahan dan Kurnia Semula Tanah (204D KTN).

| BIL | PERKARA |
|---|---|
| 1 | Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Tukar Syarat / Pecah Sempadan Tanah (124A KTN) |
| 2 | Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Penyerahan dan Kurnia Semula Tanah (204D KTN) |
| 3 | Kebenaran Merancang dan Tukar Syarat / Pecah Sempadan (124A KTN) atau Penyerahan dan Kurnia Semula Tanah (204D KTN). |
| 4 | Kebenaran Merancang (Pelan Induk) |
| 5 | Kebenaran Merancang (Pendirian Bangunan/Fasa) |
| 6 | Kebenaran Merancang Permit Tahunan Bangunan Sementara |
| 7 | Kebenaran Merancang Kilang Sesebuah |
| 8 | Kebenaran Merancang Telekomunikasi |
| 9 | Kebenaran Merancang Rumah Sesebuah |
| 10 | Kebenaran Merancang Tambahan Tingkat |
| 11 | Kebenaran Merancang Kerja Kejuruteraan |
| 12 | Pindaan Kebenaran Merancang |
| 13 | Perlanjutan/ Perlanjutan Tambahan Kebenaran Merancang |
| 14 | Tukar Guna Bangunan (Tadika/Taska/Taski/Pusat Jagaan) |
| 15 | Tukar Guna Bangunan (Komersial/Hotel Budget) |
| 16 | Naman Taman |
| 17 | Nama Bangunan, Jalan dan Alamat |
| 18 | Kerja Tanah |
| 19 | Kerja Tanah Kecil |
| 20 | Pelan Jalan dan Perparitan |
| 21 | Pelan Lampu Jalan |
| 22 | Pengemukaan Borang B – Kerja Tanah |
| 23 | Pelan Bangunan (PB) |
| 24 | Pindaan Kepada Pelan Kelulusan – Pelan Bangunan |
| 25 | Permit Untuk Pembinaan Kecil atau Perubahan dan Tambahan Kecil Selaras UUK 18, UKBS 1984 |
| 26 | Permit Bangunan Sementara – Permit Sementara Untuk Bangunan/ Struktur Sementara Selaras UUK 19, UKBS 1984 |
| 27 | Pengemukaan Borang B - Pelan Bangunan |

NASKAH DIGITAL

| BIL | PERKARA |
|---|---|
| 28 | Pengemukaan Laporan Siap Kerja, Borang G1-G21 dan Borang F |
| 29 | Permohonan Lawatan Tapak Untuk Sokongan CFO |
| 30 | Permohonan Pengemukaan Borang E dan Pengeluaran CFO Oleh PBT |
| 31 | Pelan Landskap |

Permohonan yang tidak lengkap atau di luar skop jenis permohonan tidak akan diterima untuk diproses di Jabatan Pusat Setempat.

## Tempoh Masa Memproses

Berdasarkan piagam yang telah ditetapkan oleh KPKT, tempoh proses adalah bermula dari 14 hari hingga 111 hari (ada RT) dan 14 hari hingga 139 hari (tiada RT) bergantung kepada jenis permohonan pemajuan, klasifikasi dan lokasi samada dalam kawasan Rancangan Tempatan atau sebaliknya (Lampiran A). Tempoh tersebut dikira bermula dari tarikh permohonan lengkap didaftarkan sehingga keputusan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat.

## Keahlian Dan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis (YDP) dan dihadiri oleh 5 orang ahli majlis serta agensi / jabatan teknikal yang berkaitan berhubung pembangunan dan pemajuan tanah serta bangunan.

Jadual 4.1 : Keahlian Jawatankuasa Jabatan Pusat Setempat

| JAWATAN | JABATAN / BAHAGIAN / LAIN-LAIN |
|---|---|
| Pengerusi | Kebenaran Merancang, Kerja Tanah, Jalan Dan Perparitan dan Pelan Bangunan. |
| Timbalan Pengerusi | Kebenaran Merancang, Kerja Tanah dan Jalan Dan Perparitan. |
| Setiausaha | Kerja Tanah, Jalan Dan Perparitan dan Pelan Bangunan. |
| Ahli | Kebenaran Merancang dan Kerja Tanah. |
| Teknikal Luaran | 1. Pentadbir Tanah Daerah (PTD)<br>2. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD)<br>3. Jabatan Kerja Raya (JKR)<br>4. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)<br>5. Tenaga Nasional Berhad (TNB)<br>6. Jabatan Alam Sekitar (JAS)<br>7. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd (IWK)<br>8. Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)<br>9. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)<br>10. Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS)<br>11. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)<br>12. Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM)<br>13. Polis Diraja Malaysia (PDRM)<br>14. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) |

NASKAH DIGITAL

| JAWATAN | JABATAN / BAHAGIAN / LAIN-LAIN |
|---|---|
| Teknikal Dalaman | 1. Jabatan Perancang Bandar<br>2. Jabatan Kejuruteraan<br>3. Jabatan Bangunan<br>4. Jabatan Lanskap<br>5. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam<br>6. Jabatan Undang-Undang<br>7. Jabatan Pesuruhjaya Bangunan<br>8. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta<br>9. Jabatan Pelesenan<br>10. Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan<br>11. Jabatan Korporat |

## Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan sebanyak 24 kali pada tahun 2019

| BULAN | BIL MESYUARAT | TARIKH |
|---|---|---|
| JANUARI | BIL 1/2019 | 09/01/2019 |
| | BIL 2/2019 | 23/01/2019 |
| FEBRUARI | BIL 3/2019 | 14/02/2019 |
| | BIL 4/2019 | 28/02/2019 |
| MAC | BIL 5/2019 | 13/03/2019 |
| | BIL 6/2019 | 26/03/2019 |
| APRIL | BIL 7/2019 | 10/04/2019 |
| | BIL 8/2019 | 24/04/2019 |
| MEI | BIL 9/2019 | 08/05/2019 |
| | BIL 10/2019 | 23/05/2019 |
| JUN | BIL 11/2019 | 12/06/2019 |
| | BIL 12/2019 | 25/06/2019 |
| JULAI | BIL 13/2019 | 09/07/2019 |
| | BIL 14/2019 | 25/07/2019 |
| OGOS | BIL 15/2019 | 05/08/2019 |
| | BIL 16/2019 | 20/08/2019 |
| SEPTEMBER | BIL 17/2019 | 11/09/2019 |
| | BIL 18/2019 | 26/09/2019 |
| OKTOBER | BIL 19/2019 | 09/10/2019 |
| | BIL 20/2019 | 31/10/2019 |
| NOVEMBER | BIL 21/2019 | 12/11/2019 |
| | BIL 22/2019 | 28/11/2019 |
| DISEMBER | BIL 23/2019 | 10/12/2019 |
| | BIL 24/2019 | 23/12/2019 |

## Senarai Penjawatan Jabatan Pusat Setempat (OSC)

| BIL | JAWATAN | KPKT | KAKITANGAN MPS | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | PENGARAH PEGAWAI PERANCANG BANDAR (J48) | 1 | - | 1 |
| 2 | PEGAWAI PERANCANG BANDAR (J41) | 1 | - | 1 |
| 3 | PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR (JA29) | - | 2 | 2 |
| 4 | PENOLONG PEGAWAI SENIBINA (JA29) | - | 2 | 2 |
| 5 | PENOLONG JURUTERA(JA29) | - | 2 | 2 |
| 6 | PEMBANTU TADBIR (N17) | - | 4 | 4 |
| 7 | PEMBANTU OPERASI (N11) | - | 1 | 1 |
| 8 | PEMBANTU AWAM (H11) | - | 1 | 1 |
| 9 | PEMANDU KENDERAAN (H11) | - | 1 | 1 |
| | JUMLAH | 2 | 13 | 15 |



NASKAH DIGITAL




Rajah 2.1 : Carta Alir Proses Permohonan Pemajuan

NASKAH DIGITAL

## Status Permohonan Jabatan Pusat Setempat (OSC) Januari Hingga Disember 2019

### Status Permohonan 2019

Pada tahun 2019 Jabatan Pusat Setempat (OSC) telah berjaya mengadakan dan mengurusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) sebanyak 24 kali. Jabatan Pusat Setempat (OSC) telah menerima sebanyak 524 permohonan yang merangkumi Permohonan Serentak 23 permohonan, Kebenaran Merancang 183 permohonan, Pelan Kejuruteraan 99 permohonan, Pelan Bangunan 128 permohonan, permohonan CFO, 0 permohonan dan Permohonan CCC sebanyak 91 permohonan. (Jadual 6.1)

Jadual 6.1 : Status Penerimaan Permohonan Di Jabatan Pusat Setempat (OSC) Bagi Bulan Januari hingga Disember 2019

| Bil | Jenis Permohonan | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | Jumlah | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Permohonan Serentak | 3 | 2 | 3 | 2 | 5 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 3 | 3 | 23 | 4.39 |
| 2 | Kebenaran Merancang | 15 | 11 | 12 | 18 | 17 | 17 | 17 | 14 | 12 | 25 | 13 | 12 | 183 | 34.92 |
| 3 | Pelan Kejuruteraan | 15 | 7 | 8 | 8 | 12 | 8 | 4 | 10 | 3 | 6 | 8 | 10 | 99 | 18.89 |
| 4 | Pelan Bangunan | 8 | 4 | 8 | 8 | 9 | 9 | 21 | 9 | 8 | 18 | 10 | 16 | 128 | 24.43 |
| 5 | Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | CCC | 10 | 9 | 5 | 6 | 3 | 5 | 8 | 10 | 4 | 9 | 13 | 9 | 91 | 17.37 |
| Jumlah Keseluruhan | | 51 | 33 | 36 | 42 | 46 | 39 | 51 | 44 | 27 | 58 | 47 | 50 | 524 | 100 |
| Peratusan (100%) | | 9.73 | 6.29 | 6.87 | 8.00 | 8.78 | 7.44 | 9.73 | 8.4 | 5.15 | 11.07 | 9.00 | 9.54 | 100 | |

Rajah 6.1 : Bilangan Permohonan Yang Diterima Oleh OSC Bagi Tahun 2019






NASKAH DIGITAL

Daripada bilangan permohonan yang diterima, sebanyak 253 permohonan telah diluluskan, 148 permohonan mendapat keputusan lulus bersyarat, 32 permohonan tangguh/ batal/ ubahsuai/ tolak/ rekod dan 0 permohonan masih dalam proses. (Jadual 6.2)

Jadual 6.2 : Status Permohonan Bagi Bulan Januari hingga Disember 2019

| Jenis Permohonan | Permohonan Dalam Proses | Permohonan Diluluskan | Permohonan Lulus Bersyarat | Permohonan (Tangguh / Batal / Ubahsuai / Tolak/ Rekod) | Bil Permohonan /Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| Permohonan Serentak | 0 | 11 | 10 | 2 | 23 |
| Kebenaran Merancang | 0 | 106 | 59 | 18 | 183 |
| Pelan Kejuruteraan | 0 | 56 | 35 | 8 | 99 |
| Pelan Bangunan | 0 | 80 | 44 | 4 | 128 |
| CFO | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| CCC (Deposit) | 0 | 0 | 0 | 91 | 91 |
| Jumlah | 0 | 253 | 148 | 123 | 524 |

Rajah 6.2 : Status Permohonan Bagi Bulan Januari hingga Disember 2019




NASIAH DIGITAL

## Permohonan Selesai Di Dalam Tempoh Piagam

Sehingga 31 Disember 2019 Portal OSC MPS telah berjaya mencapai peratusan sebanyak 99.53%. Ini adalah selaras dengan sasaran yang ditetapkan oleh pihak SUK Negeri Selangor dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu sebanyak 90% permohonan selesai di dalam tempoh piagam yang ditetapkan. Pencapaian peratusan selesai dalam tempoh piagam pada tahun 2018 sebanyak 98.12% dan 2017 sebanyak 100%. (Jadual 6.3, Rajah 6.3). Peningkatan pencapaian pada tahun 2019 adalah amat memberangsangkan. Pencapaian prestasi yang baik ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa kerjasama yang baik dengan Jabatan-jabatan Teknikal Dalaman dan Luaran.

## Permohonan Selesai Melebihi Tempoh Piagam

Pada tahun 2019 permohonan yang diselesaikan melebihi tempoh piagam yang ditetapkan adalah sebanyak 0.47% sahaja dengan pecahan seperti berikut:

i. 2 Permohonan Kebenaran Merancang

| Jenis Permohonan | Bil Permohonan | | | Permohonan Selesai (a)=b+c | | | Permohonan Selesai Dalam Piagam (b) | | | Permohonan Selesai Melebihi Piagam (c) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2018 | 2019 | 2017 | 2018 | 2019 | 2017 | 2018 | 2019 | 2017 | 2018 | 2019 |
| **Permohonan Serentak** | 41 | 21 | 23 | 41 | 21 | 23 | 41 | 21 | 23 | 0 | 0 | 0 |
| **Kebenaran Merancang** | 204 | 162 | 183 | 204 | 162 | 179 | 202 | 162 | 177 | 2 | 0 | 2 |
| **Pelan Kejuruteraan** | 141 | 112 | 99 | 141 | 112 | 99 | 137 | 112 | 99 | 4 | 0 | 0 |
| **Pelan Bangunan** | 143 | 108 | 128 | 143 | 108 | 128 | 139 | 108 | 126 | 4 | 0 | 0 |
| **CFO** | 2 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| **Jumlah** | 531 | 403 | 433 | 531 | 403 | 429 | 521 | 403 | 427 | 10 | 0 | 2 |
| **Peratus (%)** | | | | 100% | 99.75% | 99.08% | 98.12% | 100% | 99.53% | 1.88% | 0.00% | 0.47% |




Rajah 6.3 : Peratus Permohonan Selesai 2017 - 2019

NASKAH DIGITAL

## Bengkel Pemantapan Prosedur Kerja Jabatan Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Selayang

Bengkel Pemantapan Prosedur Kerja

Sejak penubuhan Jabatan Pusat Setempat (OSC), MPS pada tahun 2007 pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menambahbaik pelaksanaan OSC di MPS. Ini termasuklah mengadakan pelbagai bengkel dan seminar kepada staf-staf Jabatan Pusat Setempat (OSC).

Oleh yang demikian, Pengarah Jabatan Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengambil inisiatif untuk mengadakan bengkel bagi bertujuan untuk memberikan kefahaman dan memudahkan cara kerja dalam urusan kerja secara atas talian dan manual di kaunter OSC. Melalui bengkel ini, semua masalah dan isu berbangkit berkaitan Prosedur Kerja OSC akan dibincangkan dan diselesaikan bersama.

Bengkel Pemantapan Prosedur Kerja Jabatan Pusat secara khususnya telah diadakan pada 13 hingga 15 Disember 2019 bertempat di Century Pines Resort, Cameron Highlands.

Jadual 7.1 :Perkara Perbincangan (Prosedur Kerja Pengurusan dan Pentadbiran OSC)

| BIL | PERKARA PERBINCANGAN | CADANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Pencapaian SKT 2019 & Perancangan SKT 2020 | • SKT 2019 dikekalkan dan terdapat penambahbaikan dalam SKT 2020 |
| 2. | Pembahagian Penyediaan Kertas Kerja Bagi Program 2020 | • Penyediaan kertas kerja bagi mesyuarat luar OSC |
| 3. | Mesyuarat luar OSC 2020 | • Mesyuarat dijangka akan dijalankan pada bulan Jun atau bulan Oktober |
| 4. | Bengkel OSC 3.0 plus online 2020 | • Kertas kerja pada tahun 2019 akan dipinda dan akan diangkat semula pada tahun 2020 bersama-sama kertas kerja mesyuarat luar OSC mengikut bajet 2020 |
| 5. | Bengkel pemantapan jabatan | • Membuat kajian semula tugas dan prosedur kerja bagi pemantapan jabatan<br>• Bajet yang dimohon akan diletakkan di bawah Unit Latihan di Jabatan Khidmat Pengurusan (JKP) |
| 6. | Bajet 2020 | • Memaklumkan sekiranya terdapat sebarang harta alih yang hendak dimohon atau dilupuskan<br>• Mengemaskini Borang KEW.PA-7 bagi semua aset alih di OSC |
| 7. | Pertukaran tugas Pembantu Tadbir (PT) | • Tugas rekupmen bagi wang panjar |
| 8. | Tugas staf OSC | • Semua staf perlu senaraikan tugas hakiki di OSC dan tugas tambahan di MPS |
| 9. | Anugerah Pekerja Cemerlang (APC) | • Pengarah mengambil maklum dan akan mengambil tindakan susulan memaklumkan kepada pihak pengurusan bahawa sudah 4 tahun staf OSC tidak dicalonkan untuk APC. |
| 10. | Borang-borang OSC | • Pengemaskinian dan penyediaan borang-borang OSC bagi tahun 2020<br>• OSC masih belum menerima maklumbalas daripada Jabatan Teknikal Dalaman bagi pindaan borang 2020<br>• Borang OSC 2020 akan dimuatnaik dan dikemaskini dalam laman sesawang MPS |
| 11. | Pindaan Prosedur ISO | • Terdapat teguran daripada Audit SIRIM ISO yang lalu berkaitan dengan prosedur ISO OSC<br>• OSC perlu meminda semula carta alir sedia ada dan perlu membuat pindaan bermula daripada penerimaan permohonan di kaunter OSC sehingga pemantauan keputusan mesyuarat<br>• Membuat pindaan bagi tarikh memproses pada borang B2 dimana sebelum ini menggunakan hari bekerja dan kini perlu ditukar kepada 'calendar day'<br>• Pengarah memaklumkan bahawa perlu dilampirkan surat dan laporan audit sebagai bukti dan perlu memaklumkan kepada Tuan Yang Dipertua (YDP) terlebih dahulu sebelum diangkat ke dalam MJKOSC akan dating bagi pindaan tarikh proses menggunakan *'calendar day'* |

NASKAH DIGITAL

| BIL | PERKARA PERBINCANGAN | CADANGAN |
|---|---|---|
| 12. | Hal-Hal Lain di Dalam MJKOSC Bil 24/2019 | Kertas kerja bagi pemakluman di dalam MJKOSC Bil 24/2019 akan dibentangkan beberapa perkara seperti berikut:-<br>• 30 hari memproses permohonan pemajuan adalah dikira menggunakan tarikh hari bekerja kepada *'calendar day'*<br>• Lampiran wajib Kembaran A daripada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak (PTD) untuk semua Pemohonan Kebenaran Merancang dalam memudahkan proses kerja di OSC<br>• Tempoh masa sah yang boleh digunapakai untuk semua borang khidmat nasihat jabatan-jabatan teknikal dalaman MPS |

Jadual 7.2 : Taklimat berkenaan OSC 3.0 Plus

| BIL | PERKARA PERBINCANGAN | CADANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Taklimat berkenaan OSC 3.0 Plus Online | • MPS masih menunggu tarikh kuatkuasa perlaksanaan OSC 3.0 Plus daripada Kerajaan Negeri Selangor<br>• Walaubagaimanapun, OSC telah menghantar wakil-wakil untuk menghadiri 2 kali taklimat yang telah dikendalikan oleh JKT, KPKT pada:-<br>1. 22 – 23.10.2019 di I-KPKT, Bukit Tinggi<br>2. 21.11.2019 di Pejabat SUK, Shah Alam<br>• OSC telah membuat persediaan awal bagi memastikan OSC 3.0 Plus Online dan OSC 3.0 Plus Online dapat dilaksanakan dengan jayanya apabila ianya dilancarkan<br>• OSC akan mengadakan Sesi Teach-In dan Hands-On kepada Agensi Teknikal Dalaman dan Luaran apabila tarikh kuatkuasa gunapakai OSC 3.0 Plus Online diumumkan. |

Jadual 7.3 : Taklimat berkenaan OSC 3.0 Plus Online

| BIL | PERKARA PERBINCANGAN | CADANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Taklimat berkenaan OSC 3.0 Plus Online | • MPS masih menunggu tarikh kuatkuasa perlaksanaan OSC 3.0 Plus Online daripada Kerajaan Negeri Selangor<br>• Walaubagaimanapun, OSC telah menghantar wakil-wakil untuk menghadiri 2 kali taklimat yang telah dikendalikan oleh JKT, KPKT pada:-<br>1. 22 – 23.10.2019 di I-KPKT, Bukit Tinggi<br>2. 21.11.2019 di Pejabat SUK, Shah Alam<br>• OSC telah membuat persediaan awal bagi memastikan OSC 3.0 Plus dan OSC 3.0 Plus Online dapat dilaksanakan dengan jayanya apabila dilancarkan<br>• OSC akan mengadakan Sesi *Teach-In* dan *Hands-On* kepada Agensi Teknikal Dalaman dan Luaran apabila tarikh kuatkuasa gunapakai OSC 3.0 Plus diumumkan |

## Rumusan

Matlamat penubuhan Jabatan Pusat Setempat (OSC) untuk menjadi penyelaras dalam mempercepatkan proses kelulusan permohonan pembangunan pemajuan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Oleh itu, ia memerlukan sokongan dan kerjasama daripada Jabatan Teknikal Dalaman dan Jabatan Teknikal Luaran untuk sama-sama menjayakannya.

Usaha-usaha untuk menambahbaik dan memantapkan proses sedia ada sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan kelancaran proses kelulusan pembangunan pemajuan dan keberkesanan OSC di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terus relevan dengan keadaan dan teknologi semasa.

NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL



# UNIT
# INTEGRITI

# UNIT INTEGRITI

Unit Integriti telah ditubuhkan pada tahun 2014 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Objektif penubuhan Unit Integriti adalah bagi menyepadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan integriti di bawah satu unit khusus supaya dapat dilaksanakan secara fokus dan terancang.

## Fungsi dan Tanggungjawab

- Merancang dan melaksana Tadbir Urus yang terbaik dilaksanakan di Majlis Perbandaran Selayang bagi menyampaikan perkhidmatan yang efisen.
- Merancang, merangka dan meneliti pembudayaan, penginstituan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi supaya dapat mewujudkan sikap bekerjasama, bersatu padu dan berintegriti.
- Merancang, meneliti pengesanan dan pengesahan aduan salahlaku jenayah diambil tindakan susulan sewajarnya serta melaporkan ke pihak bertanggungjawab.
- Merancang dan meneliti pengurusan aduan diambil tindakan berdasarkan aduan/maklumat bagi menangani salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
- Merancang, memantau dan mengedalikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa bagi mengurangkan salahlaku tatakelakuan dalam organisasi.
- Merancang dan melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib bagi membentuk sikap yang positif dan mencegah diri daripada berlakunya penyelewengan dalam organisasi.

Pencapaian Laporan Tahunan Tahun 2019 Jabatan : Unit Integriti

| BIL | PERKARA / TAJUK | CATATAN |
|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat Lembaga Tata Tertib | • Mesyuarat LTT Bil.01/2019 Bertarikh 01 Februari 2019<br>• Mesyuarat LTT Bil.02/2019 Bertarikh 24 Jun 2019<br>• Mesyuarat LTT Bil.03/2019 Bertarikh 02 Ogos 2019<br>• Mesyuarat LTT Bil.04/2019 Bertarikh 26 November 2019<br>• Mesyuarat LTT Bil.05/2019 Bertarikh 23 Disember 2019 |
| 2 | Mengadakan Seminar/ Taklimat | • Program 30 Minit Bersama SPRM Siri 1 -6 bertajuk Rasuah Jenayah Yang Perlu Dibendung<br>• Kursus Profesionalisme Diri Unggul kumpulan sasar ( A, B, C dan D) bertarikh 23 – 25/09/2019<br>• Kursus Peranan Penyelia Terhadap Isu Ketidakhadiran bertarikh 10/12/2019 |
| 3 | Melaksanakan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) | • Tarikh Pelaksanaan pada 19 - 20 /12/19 |
| 4 | Lawatan Penanda Aras PBT Terpilih | • Tarikh Lawatan pada 26/03/19 ke MPSJ |



- **Ketua Unit**
  Encik Mohamad Faiz bin Omar
- **Timbalan Ketua Unit**
  TIADA
- **Ketua Kerani**
  TIADA
- **Bahagian / Unit**
  TIADA
- **Jumlah Kakitangan**
  4 orang

Tingkat Bawah,
Bangunan Lama MPS
03-6126 6037

NASKAH DIGITAL

## Statistik Laporan Lembaga Tata Tertib 2019

| BIL. | JENIS KESALAHAN | JAN-MAC | APRIL-JUN | JUL-SEPT | OKT-DIS |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Rasuah / salah guna kuasa / penyelewengan | 0 | 0 | 3 | 0 |
| 2. | Tuntutan Palsu | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3. | Tipu / Pecah Amanah | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4. | Kesalahan pentadbiran<br>i. Tatatertib | 1 | 5 | 0 | 2 |
| | Salah laku kakitangan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | Lain-lain<br>i. Tidak Hadir Bertugas | 32 | 28 | 4 | 10 |
| 5. | Lain-lain<br>i. Keterhutangan yang serius | 0 | 0 | 0 | 1 |
| **JUMLAH** | | **33** | **33** | **7** | **13** |

## Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN 2019) Majlis Perbandaran Selayang

### Analisis Data Mengikut Instrumen bagi tahun 2018 dan 2019

| INSTRUMEN ( INDEKS ) | POINT 2018 | POINT 2019 | CATATAN | |
|---|---|---|---|---|
| Rekod Amalan Nilai | 97.51 | 98.64 | 1.13 | ▲ |
| Indeks Nilai Ideal | 80.11 | 81.07 | 0.96 | ▲ |
| Indeks Nilai Peribadi | 77.27 | 77.26 | 0.01 | ▼ |
| Indeks Nilai Organisasi | 66.32 | 70.95 | 4.63 | ▲ |
| Maklum Balas Pelanggan | 86.89 | 92.59 | 5.70 | ▲ |
| **Indeks Komposit** | 80.28 | 82.79 | 2.51 | ▲ |

Keputusan Sistem Pengurusan Audit Nilai
Bagi Tahun 2019




NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL



# BAHAGIAN **URUSETIA**

# BAHAGIAN URUSETIA

Bahagian Urusetia berperanan untuk membantu keberkesanan fungsi sesebuah mesyuarat dengan menjalankan tugas-tugas seperti merancang dan mengatur mesyuarat, menghantar surat jemputan mesyuarat dan menyediakan minit mesyuarat. Di samping itu, Bahagian Urusetia juga bertanggungjawab mewujudkan satu sistem pengesanan bagi menentukan *follow-up* dan *followthrough* ke atas keputusan-keputusan mesyuarat.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Urusetia, Majlis Perbandaran Selayang telah mengendalikan semua Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Majlis MPS pada tahun 2019 seperti jadual di bawah:

Pencapaian Laporan Tahunan Tahun 2019

| BIL | PERKARA / TAJUK | CATATAN |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Majlis MPS | 12 Kali |
| 2. | Jawatankuasa Kewangan | 10 Kali |
| 3. | Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan | 10 Kali |
| 4. | Jawatankuasa Infrastruktur | 12 Kali |
| 5. | Jawatankuasa Pengindahan Bandar | 12 Kali |
| 6. | Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat | 6 Kali |
| 7. | Jawatankuasa Kemasyarakatan | 6 Kali |

Program Merakyatkan Ekonomi Selangor telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor mulai Mac 2008 dan kini dikenali sebagai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Sehubungan dengan itu, Bahagian Urusetia telah diberikan mandat untuk mengedarkan borang-borang di bawah program ini mulai tahun 2011.

Antara borang-borang Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang diedarkan oleh Bahagian Urusetia adalah seperti berikut:
- Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
- Skim Mesra Usia Emas (SMUE)
- Hadiah Pengajian IPT
- Insentif Perkahwinan Belia
- Skim Peduli Sihat
- Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)



- **Ketua Bahagian**
  Encik Azhar bin Che Salleh
- **Timbalan Ketua Bahagian**
  TIADA
- **Ketua Kerani**
  TIADA
- **Bahagian / Unit**
  TIADA
- **Jumlah Kakitangan**
  8 orang

Sayap B , Tingkat 5
Menara MPS
03-6126 5858

NASKAH DIGITAL



# PELANCONGAN

# 01
## Taman Rimba Bukit Lagong

**Telefon** : 03 - 6126 5800 / 6120 2962

**Alamat** : Hutan Lipur Bukit Lagong, Gombak Selangor.

**Kod QR Lokasi**

Taman Rimba Bukit lagong merupakan kawasan eko-pelancongan yang terdapat di negeri Selangor . Terletak 15km dari pusat bandar Kuala Lumpur, taman rimba ini menyediakan kemudahan-kemudahan dan kelengkapan yang telah disediakan oleh Majlis Perbandaran Selayang bagi memudahkan pengunjung untuk mengadakan aktiviti seperti riadah, perkelahan, kem motivasi, *team building*, hari keluarga, majlis perkahwinan, majlis-majlis rasmi dan sebagainya.








# 02
## Taman Rimba Templer

**Telefon** : 03 - 6126 5800 / 6120 2962

**Alamat** : Taman Rimba Templer, 48000 Rawang Selangor.

**Kod QR Lokasi**

Taman Rimba Templer terletak di Hutan Simpan Kanching yang mempunyai jenis Hutan Dipterokarp Pamah. Taman rimba ini menyediakan kemudahan-kemudahan untuk keselesaan pengunjung melakukan aktiviti. Antara kemudahan yang disediakan termasuklah perkelahan, tempat memancing, rentis, kawasan meletak kereta, tandas awam dan gerai penjaja. Kira-kira 500 meter dari tempat letak kereta terdapat sebuah kolam mandi air semulajadi yang menjadi tumpuan orang ramai.




# 03
## Hutan Lipur Kanching

**Telefon** 03 - 6126 5800 / 5513 2000

**Alamat** Hutan Lipur Kanching, 48000 Rawang, Selangor.

**Kod QR Lokasi**

Terletak kira-kira 3km dari Taman Rimba Templer, hutan lipur ini dilengkapi dengan laluan pejalan kaki sepanjang air terjun. Taman rimba ini masih diliputi hutan tropika yang hijau. Selain perkelahan, aktiviti perkhemahan juga menjadi tumpuan pengemar perkhemahan terutamanya pada hujung minggu. Pengunjung-pengunjung juga boleh menyusur denai hutan sambil menikmati suasana yang hijau di sekeliling air terjun.





NASKAH DIGITAL

# 04

## Hutan Lipur Sungai Tua

**Telefon** 03 - 6126 5800

**Alamat** Hutan Lipur Sungai Tua, Jalan Ulu Yam, Selangor.

**Kod QR Lokasi** Hutan Lipur Sungai Tua terletak di Ulu Yam, Selangor. Keistimewaan hutan lipur ini adalah terdapat sungai dan air terjun yang menarik serta mempunyai batu-batuan sungai yang unik dan mempunyai pelbagai flora dan fauna semula jadi. Terdapat kemudahan awam seperti surau, gerai makan, dewan, tandas, kedai menjual peralatan seperti pelampung serta pakaian mandi.



# 05

## Taman Rimba Komanwel

**Telefon** 03 - 6126 5800 / 6091 6131

**Alamat** Taman Rimba Komanwel, Jalan Kuala Lumpur 48000 Rawang, Selangor.

**Kod QR Lokasi** Hutan Lipur Sungai Tua terletak di Ulu Yam, Selangor. Keistimewaan hutan lipur ini adalah terdapat sungai dan air terjun yang menarik serta mempunyai batu-batuan sungai yang unik dan mempunyai pelbagai flora dan fauna semula jadi. Terdapat kemudahan awam seperti surau, gerai makan, dewan, tandas, kedai menjual peralatan seperti pelampung serta pakaian mandi.






# 06

## Institute Penyelidikan Perhutanan Malaysia

**Telefon** 03 - 6279 7649 / 6279 7592

**Alamat** Forest Research Institute of Malaysia, Jalan Foxworthy 68100 Kuala Lumpur, Selangor.

**Kod QR Lokasi**

Terletak di Kepong dengan keluasan 600 hektar, FRIM dikelilingi oleh Hutan Simpan Bukit Lagong. Pakej melawat hutan yang ditawarkan memberi peluang untuk aktiviti luar seperti rekreasi dan pendidikan umum. FRIM juga turut menjadi lokasi yang popular kepada pengemar perkelahan, meninjau burung, menjelajah hutan, sesi fotografi, berbasikal, di samping melancong serta mengkaji alam semulajadi.



NASKAH DIGITAL

# 07
## Pekan Warisan Batu Arang

**Telefon** 03 - 6126 5800

**Alamat** Batu Arang, Rawang, Selangor

**Kod QR Lokasi** Pekan Warisan Batu Arang merupakan bekas lombong arang batu yang telah wujud sejak tahun 1908 oleh orang Melayu. Arang batu terhasil dari hutan yang luas dan rimba paku-pakis tumbuh di paya dan lagun yang cetek. Terdapat pelbagai peninggalan yang menjadikan bahan sejarah iaitu terowong dan menara api.




# 08
## Kolam Air Panas Selayang

**Telefon** 03 - 6126 5800

**Alamat** Kilometer 15, Jalan Ipoh 68100 Batu Caves, Selangor

**Kod QR Lokasi** Kolam Air Panas Selayang di kilometer 15, Jalan Ipoh jalan raya utama Kuala Lumpur ke Rawang. Terdapat 3 kolam utama di sini yang membekalkan air panas semulajadi dari bawah tanah. Khasiat air panas semulajadi yang terdapat di kolam ini dipercayai boleh dijadikan sebagai kaedah alternatif kepada pelbagai masalah kesihatan terutama masalah berkaitan kulit.



# 09
## Gua Damai

**Telefon** 03 - 6126 5800

**Alamat** Taman Ekstrem Gua Damai, Kampung Melayu Wira Damai, 68100 Batu Caves, Selangor

**Kod QR Lokasi**

Gua Damai terletak berhampiran dengan Batu Caves. Bagi penggemar "Rock Climbing", Gua Damai ini dijadikan sebagai tempat latihan dan aktiviti memanjat gunung. Kawasan sekitarnya dipelihara dengan baik dan terdapat kemudahan awam disediakan di sini antaranya lampu untuk memanjat di waktu malam, tempat letak kereta, tandas dan kawasan permainan kanak-kanak. Antara pertandingan yang dijalankan di Gua Damai adalah kejohanan "Rock Climbing", kejohanan "Base Jump" dan kejohanan BMX.





NASKAH DIGITAL

## 10
## Stadium Majlis Perbandaran Selayang

**Telefon** 03 - 6126 5800
**Alamat** Stadium MPS Jalan 2/1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves Selangor.
**Kod QR Lokasi**

Stadium MPS ini dibina bagi memudahkan aktiviti-aktiviti sukan seperti bola sepak, olahraga dan sebagainya. Stadium ini mampu memuatkan seramai 12 000 penonton. Di samping itu terdapat pelbagai kemudahan disediakan di Stadium MPS seperti pusat gimnasium, pusat ICT dan gerai.





## 11
## Kompleks Renang Sri Siantan

**Maklumat**
**Telefon** 03 - 6126 5800 / 6120 2962
**Alamat** Stadium MPS Jalan 2/1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves Selangor.
**Kod QR Lokasi**

Kompleks Renang Sri Siantan yang siap dibina pada tahun 2003 menyediakan sebuah kolam besar bersaiz olimpik dan sebuah kolam kecil untuk kanak-kanak. Kompleks renang ini menjadi lokasi bagi acara-acara akuatik serta mampu memuatkan sehingga 1500 orang penonton. Selain itu juga, terdapat beberapa kemudahan yang disediakan kepada semua pengunjung antaranya tandas, tempat persalinan baju, pengering rambut, loker dan gerai makan. Kadar bayaran dikenakan sebanyak RM 3 bagi dewasa dan RM 2 bagi kanak-kanak.

NASKAH DIGITAL

## 13
## Batu Caves

**Telefon**
**Alamat** Batu Caves, Selangor.
**Kod QR Lokasi**

Batu Caves merupakan tempat ibadat suci bagi kaum India beragama Hindu yang tinggal di Malaysia. Ia merupakan tempat yang sangat popular untuk pengunjung dari dalam mahupun luar negara. Lokasi ini menjadi tarikan pelbagai pihak terutamanya bagi festival Hindu iaitu, Thaipusam. Batu Caves mempunyai tiga gua utama. Para pengunjung yang ingin menaiki dan memasuki gua perlulah mendaki 272 anak tangga dan ini merupakan salah satu daripada tarikan pengunjung ke Batu Caves.







## 15
## Muzium Orang Asli

**Telefon** 03 - 6186 8796
**Alamat** Orang Asli Museum, Gombak ,Selangor
**Kod QR Lokasi**

Muzium ini menyediakan informasi tentang tradisi budaya, serta cara hidup masyarakat orang asli di Malaysia. Pihak muzium mengadakan pameran pelbagai alatan yang digunakan masyarakat orang asli seperti alat muzik, peralatan memburu dan juga patung keraian. Selain itu, kepelbagaian berkaitan jenis pakaian masyarakat orang asli turut dipamerkan. Muzium ini juga terletak berhampiran dengan kawasan perumahan kaum orang asli.



## 16
## Taman Tasik Biru Kundang

**Telefon** : 03 - 6126 5800
**Alamat** : Taman Tasik Biru Kundang, 48050 Kundang, Selangor
**Kod QR Lokasi**

Taman Tasik Biru Kundang yang terletak di Kundang, Selangor telah sinonim sebagai salah satu tempat riadah di hujung minggu. Ia merupakan bekas lombong yang agak popular untuk aktiviti sukan air. Antara tarikan utama di Tasik Biru ini ialah aktiviti jet ski.





# GALERI



**LAWATAN PELANCONGAN KE PEKAN WARISAN BATU ARANG BERSAMA YB CHUA WEI KIAT**
11 Januari 2019







**PERAYAAN THAIPUSAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR**
17Januari 2019





**PROGRAM KEBUN KOMUNITI 2019 DAN "EDIBLE GARDEN" MPS 2019**
26 Januari 2019









**MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA DAN PERHIMPUNANAN BULANAN MPS 2019**
20 Februari 2019



**PROGRAM" MPS FUN RUN: BERSEMPENA HARI TANPA KENDERAAN MPS 2019 PAGI TANPA KENDERAAN**
23 Februari 2019









**MAJLIS APRESIASI KEPIMPINAN WANITA NEGERI SELANGOR**
15 Mac 2019






NASKAH DIGITAL



**TAKLIMAT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN MAKLUMAT ISO/ IEC 27001:2013**
15 Mac 2019




**PROGRAM 3R GO GREEN PERINGKAT MPS**
20 Mac 2019






**KEJOHANAN BADMINTON KOMUNITI STRATA PIALA YDP MPS 2019**
23-24 Mac 2019

**PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA BASMI DENGGI KPKT TAHUN 2019**
14 April 2019
















**PENGAUDITAN PENSIJILAN EKSA**
18 April 2019










**PROGRAM LESTARI BUMI HIJAU**
27 April 2019











**PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK PERINGKAT MPS**
15 Mei 2019





**PROGRAM BAZAR RAMADAN MAMPAN DAN KEMPEN AMALAN HIJAU 2019**
15 Mei 2019







**KEMBARA RAMADAN MPS 2019**
24 Mei 2019















**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPS 2018**
18 Jun 2019











**RUMAH TERBUKA AIDILFITRI PERINGKAT MPS 2019**
18 Jun 2019







**PROGRAM KARNIVAL 3W (WOMEN,WELFARE,WELLNESS)**
6 Julai 2019




















**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PENARAFAN BINTANG PBT NEGERI SELANGOR 2019 |** 9 Julai 2019

**MAJLIS PENYERAHAN BENDERA SUKANUN 2019**
12 Julai 2019





**LAWATAN DYTM RAJA MUDA SELANGOR KE DAERAH GOMBAK, SELANGOR**
17-19 Julai 2019
















**PROGRAM IBADAH KORBAN MPS**
14 Ogos 2019



**SAMBUTAN HARI WANITA MPS**
23 Ogos 2019









**PROGRAM PELANCARAN GREENWOOD THE NEW OUTLOOK DAN KEMPEN BASMI TIKUS**
24 Ogos 2019





**PROGRAM KIBAR JALUR GEMILANG DAN PELANCARAN JALUR GEMILANG ECO-BRICK**
27 Ogos 2019














**PROGRAM RIVER OF LIFE**
23 Ogos 2019



**EKSPEDISI SAINTIFIK BIODIVERSITI DIRAJA**
27 Ogos 2019

**PERHIMPUNAN BULANANAN MPS DAN SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT MPS**
28 Ogos 2019


















**SAMBUTAN KEMERDEKAAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR**
30 Ogos 2019




**GUA DAMAI INTERNATIONAL BASE JUMP 2019**
15 September 2019







**PROGRAM CINTAI SUNGAI SEMPENA HARI SUNGAI SEDUNIA**
6 Oktober 2019


















**BIG BOYS CAMP SHIELD 2019**
18-20 September 2019



**PENGAUDITAN SIRIM MS ISO 9001:2015**
7-9 Oktober 2019







**KUNJUNGAN DELEGASI J.CLAIR**
6-11 Oktober 2019










**LAWATAN TAPAK BERSEPADU PELAN PENGURUSAN GUA GELAP**
17 Oktober 2019



**MAJLIS SINARAN DEEPAVALI 2019**
18 Oktober 2019



**SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SELANGOR 1441/2019M**
9 November 2019



**LAWATAN KE MAJLIS PERBANDARAN MUAR**
13 November 2019



**KARNIVAL ALAM SEKITAR DAN KEPENGGUNAAN PERINGKAT MPS 2019**
16 November 2019











**MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN NEGERI SELANGOR |** 3 Disember 2019



**PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH**
20 Disember 2019



**PELANCARAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI 2019**
9 Disember 2019









**SESI LATIHAN KEBAKARAN 2019**
13 Disember 2019








# KERATAN AKHBAR 2019



Residents object to parking charges in One Selayang

...ents arrange a giant Jalur Gemilang m... material in conjunction with Malaysia's ...ngor.

...ecobricks were used to create the Jalu... Municipal Council and Malaysian Nature

*Rumah pesara polis ranap ditimpa pokok*

MPS provides guide to lodging complaints

Free handbook can be downloaded via council's website

...a near Batu ..., MPS urged

In the market for ch...

While some Selayang Baru traders are happy with their new b... are not so pleased as they feel the building needs to be fixed. T... concerns addressed and have even brought the matter to Suha...

Illegal homes demolishe...

...talls demolished in Rawang

New MPS president to be sworn in O...

By CHRISTINA LOW

AFTER nearly six months without a head, the Selayang Municipal Council (MPS) will be welcoming Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor as its new president.

Shamsul Shahril has formerly served as the district officer of Hulu Langat and Kuala Selangor.

NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL

NASKAH DIGITAL

QUALITY SYSTEM
SIRIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015
REGISTRATION NO: QMS 01861

ISMS
SIRIM
CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
REGISTRATION NO: ISMS 00349

Diterbitkan Oleh
Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-6126 5800  Fax : 03-6138 8933
e-mel : aduanmps@mps.gov.my

www.mps.gov.my
**mpselayang**

@copyright 2020